



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)

www.ijlgc.com



**PRESTASI UMNO DAN PARTI AMANAH NEGARA (AMANAH)
DALAM PRU-14 DAN PASCA PRU-14**

*PERFORMANCE OF UMNO AND PARTI AMANAH NEGARA (AMANAH) IN THE
GE-14 AND POST GE-14*

Junaidi Awang Besar^{1*}

¹ Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran (PKPSP)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor Darul Ehsan,
Malaysia
Email: jab@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.03.2021

Revised date: 19.05.2021

Accepted date: 23.05.2021

Published date: 15.06.2021

To cite this document:

Awang Besar, J. (2021). Prestasi UMNO dan Parti Amanah Negara (AMANAH) dalam PRU-14 dan Pasca PRU-14. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (24), 30-58.

DOI: 10.35631/IJLGC.624003.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pilihan Raya Umum ke 14, 2018 (PRU-14, 2018) telah berlangsung dan selesai dengan tenang dan penuh kejutan. Buat pertama kalinya, Barisan Nasional (BN) yang ditunjangi United Malays National Organization (UMNO) telah tewas kepada parti pembangkang utama ketika itu iaitu Pakatan Harapan (PH) yang menggunakan logo Parti Keadilan Rakyat (PKR) bersama-sama dengan Parti Warisan Sabah (WARISAN). Dengan itu, BN/UMNO juga gagal mempertahankan kuasa setelah 63 tahun menguasai pemerintahan Kerajaan Persekutuan. Suasana euphoria atau perasaan keriang dalam kalangan rakyat di negara ini hasil keputusan PRU 2018 menuntut kepada perlunya satu suasana pemerintahan Kerajaan Persekutuan yang baru iaitu berlain daripada pemerintahan Kerajaan BN sebelum ini. Suasana baru tersebut turut disebut sebagai 'Malaysia Baharu'. Keputusan PRU 2018 dapat disorot kepada prestasi parti politik yang bertanding dalam PRU tersebut. Dalam konteks penulisan artikel ini, UMNO dan AMANAH dipilih untuk dianalisis prestasi parti politik tersebut dalam PRU 2018 kerana status UMNO sebagai parti politik yang lama (ditubuh pada tahun 1946) manakala AMANAH merupakan parti politik yang baru ditubuhkan iaitu pada tahun 2015 yang merupakan parti serpihan PAS. Ini adalah penting untuk melihat prestasi parti lama yang berpengalaman dalam selok belok politik dan pemerintahan (UMNO) dan parti baru yang realistik, profesional, progresif dan dinamik (AMANAH) yang terbentuk hasil daripada parti induk/asal (PAS) yang dilihat tidak sesuai dengan komposisi etnik yang bercampur di negara ini dan dilihat konservatif. Penulisan makalah ini menggunakan data primer (keputusan PRU 2018) dan olahan data sekunder

(maklumat daripada sumber yang telah diterbitkan) yang dianalisis secara kritikal dan rasional serta berdasarkan kepada 'real politic' semasa di negara ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa meskipun UMNO selaku tunjang dalam BN telah tewas pada peringkat persekutuan dan beberapa negeri namun parti politik tersebut masih mengekalkan penguasaan di kawasan majoriti pengundi etnik Melayu di kawasan luar bandar. UMNO berjaya menguasai Kerajaan Negeri Pahang dan Perlis disamping menjadi pembangkang majoriti di Parlimen. AMANAH pula meskipun bertanding tidak banyak kerusi Parlimen dan DUN hasil daripada pembahagian kerusi pilihan raya antara parti-parti dalam PH namun masih berjaya memenangi kerusi di kawasan bandar dan separa bandar yang berkomposisikan etnik campuran. Wakil rakyat daripada AMANAH juga berjaya menguasai jawatan Menteri Besar di Negeri Melaka di samping mendapat jawatan EXCO dalam beberapa Kerajaan Negeri dan juga jawatan Menteri serta Timbalan Menteri pada peringkat Persekutuan. Pasca PRU 2018 pula memperlihatkan berlakunya beberapa senario isu semasa yang melibatkan kelangsungan politik UMNO dan AMANAH seterusnya boleh mempengaruhi halatuju kedua-dua parti tersebut menuju PRU akan datang.

Kata Kunci:

Pilihan Raya Umum, Politik, Parti Politik, Kerajaan, Prestasi, Persekutuan

Abstract:

The 14th General Election, 2018 (GE-14, 2018) has taken place and is finished with calm and full of surprises. For the first time, the Barisan Nasional (BN), which was promoted by the United Malays National Organization (UMNO), has lost its main opposition party, namely Pakatan Harapan (PH) using the Parti Keadilan Rakyat (PKR) logo along with the Parti Warisan Sabah (WARISAN). Thus, BN/UMNO also failed to defend its power after 63 years of mastering the rule of the Federal Government. The atmosphere of euphoria or the feeling of excitement among the people in this country is the result of the GE13 2018 demands for the necessity of a new Federal Government regime that is different from the previous BN government rule. The new atmosphere is also called 'New Malaysia'. The results of the 2018 General Election can be highlighted in the performance of political parties competing in the GE. In the context of this article, UMNO and AMANAH were chosen to analyze the performance of the political party in the 2018 General Election because of UMNO's status as an old political party (founded in 1946) while AMANAH is a newly formed political party in 2015 which is a PAS splinter party. It is important to see the old party's performance experienced in the political and governance (UMNO); and realistic, professional, progressive, and dynamic new party (AMANAH) formed as a result of the original party (PAS) was not suitable for mixed ethnicity in this country and seen as a conservative party. The writing of this paper uses primary data (the result of GE2018) and secondary data processing (information from published sources) that are critically and rationally analyzed and based on current 'real politics' in the country. The findings show that although UMNO as a spear in BN has lost federal and state levels the political party still retains control over the majority of Malay ethnic voters in rural areas. UMNO managed to dominate Pahang and Perlis State Governments in addition to being the majority opposition in parliament. AMANAH, however despite not contesting many parliamentary and state seats resulting from the distribution of election seats among the parties in PH but still managed to win seats in urban and semi-urban areas composed of mixed ethnic groups. People's representative from AMANAH also managed to oversee the post of the Chief Minister in the State of Malacca besides

receiving the post of EXCO in several State Governments as well as the post of Minister and Deputy Minister at the Federal level. After the PRU 2018, it appears that there are some scenarios in the current issue that involve the continuity of UMNO and AMANAH politics which may affect the direction of the two parties towards the next general election.

Keywords:

General Election, Politics, Political Party, Government, Achievement, Federal

Pengenalan

Parti politik merupakan platform untuk memperjuangkan sesuatu perkara secara terbuka bagi mendapatkan pengaruh dan pengikut seterusnya bertanding dalam pilihan raya bagi memenangi kerusi atau kawasan tertentu bagi mendapat kuasa yang absah bagi mentadbir sesuatu kawasan sama peringkat lokal, negeri dan juga kebangsaan/negara. Parti politik juga merupakan saluran penyertaan untuk menyuarakan pendapat, mendapat dan memuaskan kepentingan ahlinya, dan mengesahkan tujuan dan kaedah melalui satu ideologi atau corak kepercayaan dan mewakili satu kebajikan awam yang luas (Syed Ahmad 1999). Perkara yang tidak dapat dielakkan apabila berjuang melalui parti politik ialah objektif penubuhan parti politik itu sendiri iaitu perjuangan untuk mendapatkan kuasa dengan cara yang dibolehkan oleh undang-undang iaitu melalui jalan demokrasi yang disebut sebagai pilihan raya. Parti politik akan menjalankan gerak kerjanya untuk memastikan parti itu aktif bergerak dan diketahui umum iaitu dengan menggunakan kaedah atau strategi tertentu. Kaedah atau strategi ini adalah penting untuk menambahkan sokongan serta mengukuhkan pengaruh dari semasa ke semasa. Parti politik akan melakukan beberapa perkara ke arah mendapatkan sokongan, antaranya ialah menambah ahli parti untuk memilih pemimpin dan pasukan jentera parti; menerapkan dalam pemikiran ahli mengenai ideologi parti; menjalankan aktiviti parti seperti taklimat/ceramah penerangan; penubuhan institusi tertentu seperti sekolah berelemenkan kepartian sebagai perkaderan pada peringkat awal pendidikan, koperasi, aktiviti perniagaan, sewaan aset dan pelaburan, akhbar parti dan sebagainya; aktiviti kemasyarakatan seperti kegiatan membersihkan kawasan kampung dan perumahan serta membersihkan kubur dan pusat komuniti, membantu program kenduri kahwin dan tahlil, membantu mangsa bencana dari segi kewangan, binaan fizikal seperti rumah dan khidmat nasihat, membantu orang sakit, aktiviti keagamaan; pendaftaran sebagai pemilih atau pengundi; berkempen dalam media cetak dan elektronik serta media sosial dan ceramah penerangan; memanipulasi isu agar dapat memberi kelebihan kepada parti; menggunakan jentera kerajaan untuk memberi penerangan dan memberi jawatan kepada pemimpin parti sebagai ganjaran dan supaya parti menguasai kerajaan dan sebagainya.

Secara umumnya, parti politik boleh dikategorikan sebagai satu bentuk organisasi yang berjuang untuk mendapatkan kuasa politik melalui proses pilihan raya (Ramanathan 2000). Oleh sebab itu, kehadiran parti politik tidak dapat dielakkan dalam satu-satu proses pilihan raya. Menurut Sigmund Neuman (dalam Mariam 1982: 14), "Parti politik adalah organisasi artikulatif yang terdiri daripada pelaku politik yang aktif dalam masyarakat, iaitu mereka yang memusatkan perhatiannya pada pengendalian kekuasaan pemerintahan dan bersaing untuk memperoleh dokongan rakyat dengan beberapa kelompok lain yang mempunyai pandangan yang berbeza-beza. Oleh demikian, parti merupakan perantaraan besar yang menghubungkan kekuatan dan ideologi sosial dengan lembaga pemerintahan rasmi dan

mengaitkan aksi politik dengan masyarakat yang lebih luas”. Definisi terkenal parti politik telah dilakukan oleh Edmund Burke (dalam Alan 1996) iaitu “Parti politik ialah satu kumpulan orang yang bersatu dan berusaha bersama-sama untuk memajukan kepentingan berdasarkan prinsip tertentu yang menyatukan mereka”. Fungsi parti politik boleh diringkaskan seperti berikut:

- a) Sebagai alat untuk mendapatkan kuasa dalam pilihan raya.
- b) Berfungsi untuk menyatukan, memudahkan dan menstabilkan proses politik.
- c) Untuk mengumpul kepentingan yang berbeza antara bahagian dalam masyarakat.
- d) Mengutarakan isu tertentu.
- e) Sebagai saluran perhubungan antara rakyat dan kerajaan (Alan 1996).

Dalam konteks penulisan kertas kerja ini, UMNO dan Parti Amanah Negara (AMANAH) dipilih untuk dikaji dari segi prestasi dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 dan pasca PRU 2018 kerana status UMNO sebagai parti politik Melayu yang paling lama iaitu ditubuhkan dan beroperasi sejak 1946 serta telah menyertai PRU sejak PRU pertama (1955) hinggalah yang terkini (2018) manakala AMANAH pula merupakan parti politik Melayu yang paling terbaru ditubuhkan iaitu 2015 dan kali pertama menyertai PRU. Kertas kerja ini akan melihat prestasi kedua-dua parti politik Melayu tersebut dari segi keputusan pilihan raya, peranan selepas PRU 2018 dan isu mutakhir yang melanda kedua-dua parti tersebut.

Kajian Literatur

Bagi kajian lepas mengenai UMNO dan kepimpinannya, Ahmad Zahid (1993) berpendapat kepemimpinan pemuda UMNO mempunyai kualiti dan gaya serta pendekatan yang tersendiri dalam bertindak sebagai suara pemuda untuk mendesak pihak berkuasa agar golongan muda diberi perhatian dan program yang sesuai dengan jiwa dan kekuatan pemuda mengikut perkembangan zaman. Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu (1996) memotretkan perjuangan UMNO sejak penubuhannya pada tahun 1946 hinggalah 1996 yang berjuang untuk meletakkan bangsa Melayu di tempat yang sewajarnya di tanah air sendiri. UMNO terus memainkan peranannya menegakkan maruah dan melindungi bangsa Melayu serta mempertahankan kedaulatan tanah air. Md. Noor & Bakri (1996) menjelaskan bahawa jasa terbesar UMNO ialah berjuang untuk mengangkat martabat Melayu di negara ini hinggalah berjaya mendapat kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Abdul Rahman (2000) menjelaskan bahawa kualiti dan kepuakan dalam UMNO Kedah menyaksikan berlakunya pertukaran kepimpinan dan perubahan visi parti pada peringkat Negeri Kedah. Ini menyebabkan berlakunya dinamika dan proses memperkasakan parti sesuai dengan persekitaran dan budaya politik di Negeri Kedah. Abd. Manaf (2000) menyatakan bahawa penubuhan UMNO telah melalui liku-liku sejarah yang tersendiri dalam memperjuangkan hak dan keistimewaan Orang Melayu melibatkan kepimpinan utama hinggalah kepada pimpinan persatuan Melayu pada peringkat negeri hinggalah peringkat kawasan kampung. Paridah (2001) & Yaakub (2007) menjelaskan bahawa idealisme Tun Abdul Razak sebagai pemimpin UMNO dan Perdana Menteri pada zamannya dilihat mengutamakan pembangunan luar bandar yang didominasi orang Melayu seperti menyemarakkan lagi penerokaan tanah luAr bandar seperti melalui skim FELDA.

Chamil (2004) dalam analisis memoir mengenai Abdullah Ahmad Badawi menjelaskan Abdullah sebagai Perdana Menteri merupakan seorang yang dilihat bersih dan mengutamakan nilai agama dalam menerapkan pembangunan agama di Malaysia dengan slogan “Islam Hadhari” yang dapat menarik undi yang tinggi daripada orang Melayu dalam

PRU 2014 kerana harapan tinggi orang Melayu untuk melihat pentadbiran di negara ini dalam keadaan bersih, berintegriti dan mengutamakan rakyat. Zin (2008) menjelaskan bahawa pemuda UMNO Malaysia akan terus bersatu dan berpadu tenaga, berjuang berkorban jiwa raga untuk ketahanan bangsa Melayu tercinta. Pemuda UMNO juga merupakan benteng yang waja dalam mempertahankan kedaulatan agama, bangsa dan negara. Hng (2008) menjelaskan bahawa sepanjang pemerintahan BN/UMNO yang menguasai jawatan Perdana Menteri di Malaysia, sudah 5 orang Melayu/UMNO menjawat jawatan tersebut dengan 5 idea dalam pembinaan identiti nasional untuk memperkasakan perpaduan kaum, mengukuhkan ekonomi dan menanam semangat cintakan negara mengikut pemikiran 5 Perdana Menteri tersebut. Mohd Najib (2009 & 2016) menerangkan bahawa perjuangan beliau dalam dunia politik adalah untuk rakyat sepertimana yang diperjuangkan oleh bapa beliau iaitu Tun Abdul Razak. Beliau memperkenalkan beberapa dasar yang memberi manfaat secara langsung kepada rakyat dengan bermottokan '1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

Hatta (2009) menjelaskan bahawa Datuk Seri Utama Mohamad Hasan sebagai pemimpin UMNO Negeri Sembilan telah berjaya memajukan Negeri Sembilan dengan memajukan kawasan strategik di Negeri Sembilan dengan kawasan perumahan dan perniagaan di samping memajukan kawasan perindustrian di sekitar Seremban dan Senawang. beliau juga menjadi nadi penggerak Negeri Sembilan sebagai Negeri Berilmu. Ahmad Henry (2010) menyatakan bahawa Perlembagaan Malaysia yang terbentuk ketika pemerintahan BN/UMNO telah menyediakan sedikit ruang dalam mengistimewakan kedudukan agama Islam di Malaysia. Zahalan (2014) menyatakan bahawa UMNO merupakan tonggak kekuatan negara dimana UMNO telah berjaya menyatukan pelbagai bangsa serta etnik dan menjamin kesinambungan dan kesejahteraan nidup di negara tercinta ini. Ahmad Zahid (2016) & Zahid (2015) menyatakan UMNO akan menjadi kuat jika memahami kuasa rakyat dengan menunaikan segala kehendak rakyat, kerap turun padang, menjaga perpaduan dalam parti, berkhidmat dan berjuang demi parti dan bukannya demi kepentingan diri dan mengelakkan sabotaj dalaman parti.

Junaidi & Mohd Fuad (2016) dalam makalah yang bertajuk 'Peranan pengundi Melayu dalam Penguatan hegemoni politik UMNO dalam Pilihan Raya Kecil DUN Tenang, Kerdu dan Merlimau' menjelaskan bahawa keputusan PRK ketiga-tiga kawasan tersebut mengikut daerah mengundi kawasan luar bandar yang didominasi pengundi Melayu menunjukkan majoriti pengundi Melayu menyokong UMNO. Mereka berpendapat kuasa politik Melayu perlu dikekalkan melalui parti UMNO kerana pentingnya pengekalan kuasa politik diberi kepada pemimpin parti yang berteraskan etnik/kaum Melayu iaitu UMNO di samping sentimen politik pembangunan yang menebal dalam pemikiran pengundi Melayu. Mereka juga berpandangan kestabilan politik dan kesinambungan pembangunan negara hanya akan tercapai melalui parti UMNO yang telah sekian lama memerintah negara ini melalui pengalaman dan kepakaran serta politik permuafakatan dan tolak ansur UMNO terhadap kaum-kaum bukan Melayu di Malaysia. Abuzar, Mariah & Ilias (2017) menyatakan imej UMNO sebagai parti elitis perlu diubah kepada parti yang bersifat rakyat bawahan agar parti ini akan terus diterima oleh seluruh lapisan masyarakat dan relevan sepanjang zaman. Junaidi (2017) dalam analisis PRU 2013 menjelaskan bahawa keputusan pilihan raya pada peringkat kerusi Parlimen menunjukkan pengurangan jumlah kerusi yang dimenangi oleh Barisan Nasional apabila hanya memenangi 133 kerusi (60 peratus) yang majoritinya dimenangi UMNO berbanding 140 kerusi dalam PRU 2008. Ini sekaligus bermaksud Barisan Nasional gagal mendapatkan kembali mandat majoriti dua per tiga kerusi Parlimen daripada jumlah

keseluruhan 222 kerusi Parlimen sebagaimana ‘tsunami politik’ dalam PRU 2008. BN/UMNO terus mendominasi pengundi Melayu di kawasan luar bandar.

Funston (2018) menghuraikan bahawa dalam keadaan ekonomi, sosial dan politik yang serba mencabar pada masa kini, perjuangan UMNO terus memperkasakan orang Melayu dengan memperkenalkan konsep ketuanan Melayu agar semua pihak terus patuh kepada Perlembagaan Persekutuan yang terkandung keistimewaan Orang Melayu yang telah termaktub sejak negara ini mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Junaidi, Mohd Fuad & Mohd Nizar (2018) dalam kertas kerja yang bertajuk Pilihan Raya Umum Ke-14, 2018: Analisis Terhadap Persaingan Antara BN/UMNO, PH, PAS dan Parti-Parti Politik Lain’ menjelaskan bahawa majoriti pengundi etnik Melayu masih menyokong UMNO kerana identifikasi parti politik yang tinggi disebabkan kefahaman dan prinsip perjuangan parti politik yang mereka dokongi yang tinggi serta tahu mengenai latar belakang perjuangan sejarah parti politik yang mereka sokong tersebut.

Mohammad Tawfik (2018) dalam tesis PhD beliau yang bertajuk ‘Kerjasama politik Melayu-Islam: Analisis hubungan UMNO-PAS dari tahun 1968 hingga 1978’ menjelaskan bahawa terdapat peristiwa tertentu yang menjejaskan kerjasama politik Melayu-Islam pada tahun 1973, kewujudan dinamisme politik antara UMNO-PAS dan kesannya kepada pembangunan politik politik Melayu-Islam di negara ini. Penyelidikan ini menimbulkan wawasan penting yang boleh menyumbang kepada proses kerjasama politik Melayu-Muslim khususnya yang melibatkan UMNO dan PAS. Chin & Welsh (2019) menjelaskan bahawa kebangkitan pengaruh dan kepimpinan Mahathir dalam politik Malaysia dalam PRU 2018 menyebabkan BN/UMNO telah tewas dengan penuh trajik dan diluar jangkaan penganalisis politik Malaysia sama ada di dalam dan luar negara.

Bagi kajian lepas mengenai Parti Amanah Negara (AMANAH) dan kepimpinannya, Khalid (2014) dalam penulisan beliau yang bertajuk ‘Berani Berprinsip’ menjelaskan bahawa pengalaman beliau dalam politik pilihan raya PAS meskipun pernah tewas dalam 3 kali PRU berturut-turut namun beliau terus istiqamah dalam perjuangan PAS hinggalah beliau berjaya iaitu menang dalam percubaan kali keempat iaitu dalam PRU 2008 dan kelima (PRU 2013) atas tiket PAS kemudian atas tiket PKR/PH/AMANAH pada PRU 2018 di Parlimen Shah Alam, Selangor. Beliau seorang pejuang politik yang berani dan berprinsip dalam menentang UMNO/BN hinggalah sekarang.

Mohd Sayuti (2015) dalam buku karangan beliau iaitu *Nasib PAS, AMANAH dan Najib Dalam PRU Ke-14* menyatakan bahawa perpecahan yang berlaku dalam PAS sehingga mewujudkan AMANAH telah diramal sejak kekalahan golongan progresif dalam Mukhtamar PAS. Kewujudan AMANAH dapat mengisi lompong yang ditinggalkan PAS dalam pakatan parti pembangkang bagi menghadapi PRU-14.

Mujahid (2015) dalam buku beliau iaitu *Islam dan Kepelbagaian: Rahmat untuk Semua (Rahmatan Lil ‘Alamin’)* menjelaskan bahawa Islam menerima realiti kepelbagaian agama secara wujudnya walaupun hanya Islam sahaja yang diyakini benar secara teologinya, amalannya dan syariatnya lantas bagi menjalani kehidupan dalam keadaan damai kerana wujudnya kepelbagaian agama yang berpotensi untuk menjadi konflik, Islam mewajibkan Rahmatnya bagi tujuan mengatasi dan menguruskan wujudnya kepelbagaian yang ada.

Khalid (2016) dalam buku tulisan beliau iaitu *Dari PAS ke AMANAH: Berani Berprinsip II* menyatakan bahawa beliau yang bersama PAS sejak 1983 dan keadaan di mana beliau terpaksa meninggalkan PAS merupakan satu keadaan yang tidak pernah terlintas dalam pemikiran beliau. Beliau telah melihat PAS membesar dari parti politik kedaerahan kepada parti politik arus perdana dengan beliau bersama menyumbang kepada kejayaan ini. Setiap kejayaan yang dicapai dan segala kesukaran yang dilalui adalah bersama PAS sejak sekian lama. Menangis bersama semasa sedih dan ketawa bersama semasa gembira.

Dzulkefly (2016) dalam buku yang bertajuk 'Pergelutan Demi Perubahan' menghuraikan bahawa perjuangan beliau dalam AMANAH berhadapan dengan pergelutan dalam parti lama beliau iaitu PAS yang melabel beliau dengan pelbagai gelaran dan cercaan. Namun beliau tetap sabar dan meneruskan perjuangan pemikiran Islam demokrat yang menjelaskan bahawa Islam adalah rahmat untuk semua atau Islam Rahmatan Lil Alamin yang bertoleransi serta mengambil pendekatan berhikmah dalam hubungan dengan masyarakat bukan Islam.

Mohd Nazri (2017) dalam buku 'Tekal Berjuang: Memoir Anuar Tahir' menjelaskan Anuar Tahir selaku pimpinan AMANAH merupakan seorang yang berpengetahuan dan berpengalaman dalam dunia penataran Islam, keilmuan dan kependidikan, kepimpinan pelajar dan belia, organisasi, pertubuhan sukarela (NGO), politik dan penulisan sehinggalah beliau dilantik sebagai Setiausaha Agung AMANAH pada 16 September 2015.

Panel Penyelidikan Nunji (2017) dalam buku *Islam dan Kenegaraan: Suatu Perbahasan dalam Konteks Fiqh Malaysia* menjelaskan bahawa perkembangan dunia semasa banyak mencorak suasana hari ini dalam konteks politik dan kenegaraan. Isu demokrasi menjadi asas kebangkitan dalam Arab Spring walaupun bercampur aduk dengan ketidakpuasan hati pada kesempitan hidup yang dialami. Kebangkitan rakyat khususnya di negara umat Islam meletakkan tema besar sebagai isu utama seperti hak asasi manusia, prinsip perundangan, ketelusan dan tanggungjawab kepimpinan. Islam dalam konteks kebangkitan ini tidak ketinggalan dijadikan bahan perdebatan dalam persoalan sama ada ianya masih relevan atau tidak.

Muhammad Faiz (2017) menjelaskan bahawa AMANAH secara konsisten menentang UMNO/BN terutamanya Najib Razak yang dikenali sebagai pemimpin 'kleptokrasi' yang boleh mengancam kedaulatan negara dan merosakkan pemikiran rakyat dengan budaya korupsi. Ahmad Lutfi (2018) dalam buku beliau iaitu *Parti Amanah Negara: Cabaran, Halangan dan Potensi Sebagai Parti Islam Berpengaruh, Berintegriti* menyatakan bahawa penubuhan Parti Amanah Negara (AMANAH) menimbulkan pelbagai salah faham dan tafsiran yang menyimpang. Para pemimpinnya dianggap golongan kecewa yang tidak dapat menerima kekalahan dalam Muktamar PAS 2015. Mereka dilabel pengkhianat, khadam DAP, malah 'difatwakan darah halal dan wajar dihapuskan'. Ia juga dijangka tidak dapat bertahan lama. Namun begitu, AMANAH dilihat pengkaji politik sebagai parti masa depan yang cukup berpotensi dan berperanan besar menangani faham ekstremisme yang semakin merebak. Pendekatannya yang sederhana, membawa mesej Islam yang progresif, juga bersikap peduli rakyat dan inklusif.

Mujahid (2018) dalam buku beliau iaitu *Melangkah ke Hadapan: Landskap Muslim Demokrat di Malaysia* menjelaskan bahawa dalam konteks Malaysia, fiqh lokal adalah fiqh Siyasi Manhaj Malayzi atau Fiqh Politik Malaysia amat diperlukan kerana sifat fiqh adalah sesuatu yang cuba mendapat panduan agama dalam pengertiannya secara operasional dan

untuk mendapat panduan, hukum-hakam berkenaannya mestilah berpijak di bumi nyata dan acuan yang diterima ramai sebagai sistem pemerintahan yang dipakai. Zinitulniza (2018) dalam buku *Amanah Mohamad Sabu* dalam temu bual bersama Presiden AMANAH iaitu Mohamad Sabu menyatakan bahawa 'Tsunami Pakatan' membadai PRU 2018 menyebabkan PH berjaya menewaskan BN dalam keadaan tidak dijangka. Setelah PH berjaya mengambil alih Kerajaan Pusat dibimbangi akan berlaku huru-hara kerana 63 tahun lamanya BN sudah menjadi Kerajaan Persekutuan dibimbangi penyokong BN terutamanya UMNO tidak dapat menerima hakikat kekalahan di luar jangkauan tersebut.

Muhamad Helmi & Muhamad Nadzri (2018) dalam buku mereka yang bertajuk "Persaingan Ideologi PAS dan AMANAH dalam Politik dan Pilihan Raya" menghuraikan bahawa PAS dan AMANAH membawa ideologi yang berbeza dalam memperjuangkan agenda Islam di Malaysia. PAS memperjuangkan Islam dalam konteks untuk mengekalkan penguasaan politik berasaskan status quo dan dogma Melayu-Islam. Parti AMANAH pula menggerakkan Islam dalam kerangka yang lebih bersifat sederhana, pragmatik dan sesuai dengan tuntutan demokrasi. Pertembungan PAS dan AMANAH dalam PRU-14 telah memperlihatkan pecahan landskap politik Melayu-Islam dengan ketara dimana penerimaan dan penolakan terhadap ideologi PAS dan AMANAH dalam PRU-14 berlaku secara serentak di kawasan yang berbeza di Semenanjung Malaysia. Mohamad (2018) dalam buku yang bertajuk "Siapa Itu Mohamad Sabu?" menyatakan bahawa Presiden AMANAH iaitu Mohamad Sabu merupakan seorang yang pandai memasak, seorang ahli pidato, pernah bertanding menentang Anwar Ibrahim dan Abdullah Ahmad Badawi, dan juga telah menjadi Menteri Pertahanan Malaysia.

Metod Kajian

Data kuantitatif dan maklumat kualitatif dalam penulisan artikel ini diperoleh dengan menggunakan metod rujukan sumber primer iaitu keputusan PRU 2018 manakala data sekunder pula diperoleh melalui rujukan sekunder terhadap bahan-bahan bercetak dan sumber atas talian yang berkenaan.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO)

Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu juga dikenali sebagai UMNO atau PEKEMBAR ialah sebuah parti politik di Malaysia yang dipimpin oleh Presiden iaitu Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi (kini beliau sedang bercuti dan dipangku oleh Timbalan Presiden UMNO iaitu Dato' Seri Mohamad Hassan) selepas Datuk Seri Najib Razak mengumumkan perletakan jawatan Presiden UMNO berkuatkuasa serta merta pada 12 Mei 2018. UMNO merupakan tulang belakang bagi Barisan Nasional merupakan parti pemerintah bagi Kerajaan Persekutuan, merupakan parti pemerintah bagi kerajaan negeri Perlis, Pahang. UMNO tidak menubuhkan bahagian di negeri Sarawak. UMNO dianggap sebagai parti nasionalisme Melayu atau ketuanan Melayu. Menurut perlembagaan parti ini, asasnya adalah untuk berjuang mendukung cita-cita kebangsaan Melayu demi mengekalkan maruah dan martabat bangsa, agama dan negara. Ia juga yang memperjuangkan hak istimewa orang Melayu dan orang Bumiputera. Dalam pilihan raya umum UMNO 2018, yang dianggap oleh banyak pihak sebagai penting dalam perkembangan parti, bekas Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi telah dipilih sebagai presiden UMNO, yang mendapat lebih banyak undi berbanding saingannya Khairy Jamaluddin (bekas ketua Pemuda UMNO) dan Tengku Razaleigh Hamzah (veteran UMNO).

Sejarah Penubuhan UMNO

UMNO hari ini dikenali sebagai parti yang terbesar dan pernah menjadi teras pemerintahan negara dengan jumlah keseluruhan kerusi Parlimen dan DUN yang terbanyak dan pemimpin-pemimpinnya berperanan dalam membuat dasar. Ia adalah antara parti bercorak demokratik yang tertua di negara membangun dan masih kuat kedudukannya setelah melalui berbagai peristiwa dan cabaran. Ia dihormati oleh kawan dan lawan diatas prinsip keadilannya, ketegasan dan keupayaannya menjalankan dasar yang telah dipersetujui. Lahirnya UMNO adalah hasil dari percantuman pertubuhan Melayu dengan berbagai aliran falsafah dan pendapat tetapi bersetuju mengambil tindakan bersama untuk survival bangsa Melayu. Berhadapan dengan rancangan Malayan Union yang dibawa oleh British selepas Perang Dunia Yang Kedua, pertubuhan ini dengan sukarelanya membubar diri masing-masing demi membuka jalan kepada sebuah parti politik yang ulung sebagai pernyataan hasrat semua golongan dan lapisan masyarakat Melayu bagi memperjuangkan hak mereka.


Di bawah rancangan British, dasar pro-Melayu sebelum Perang akan dirombak sekaligus, dan orang Melayu sebagai penduduk asal negara ini terpaksa bersaing dengan orang mendatang, iaitu suatu kejadian yang tidak diduga sama sekali oleh mereka kerana sepanjang penjajahan British mereka diberi perlindungan dari ancaman golongan tadi disamping jaminan bahawa ini adalah negeri Melayu yang diperintah bagi pihak Raja-Raja Melayu. Rancangan Malayan Union yang dipaksakan ke atas mereka tanpa sebarang rundingan adalah amat menggemparkan. Jika sebelum ini orang Melayu berpecah-pecah dengan berbagai sentimen kenegerian dan pandangan yang sempit, sekarang mereka yang mula melihat realiti didepan mereka, telah bangkit menentang rancangan itu. Kebangkitan ini merupakan reaksi yang spontan dengan orang Melayu bersatu hati dan tenaga agar kedudukan mereka terpelihara (Abuzar, Mariah & Ilias 2017).

Penubuhan UMNO pada 11hb Mei 1946, dengan Dato' Onn bin Jaafar sebagai pemimpinnya yang pertama dapat dikatakan sebagai mengelak orang Melayu di Tanah Melayu dari tenggelam di bawah satu perkembangan politik dan ekonomi yang begitu deras dan menguntungkan golongan lain yang lebih maju. Nasionalisme Melayu sebelumnya agak malap kerana wujudnya penduduk berbilang kaum sebagai faktor penghalang, penekanan oleh penjajah, tendensi masyarakat Melayu untuk berpecah-belah mengikut negeri, ketiadaan kesedaran politik yang meluas serta terdapat kemakmuran ekonomi yang membolehkan kehidupan sederhana kepada sebilangan besar rakyat (Zahalan 2014).

Semangat kebangsaan Melayu yang baru meletus secara meluas itu perlu untuk menjaga keutuhan masyarakat yang sejak beberapa lama merupakan penduduk asal kepada kawasan ini. Seluruh penentuan hidup di negara ini sekarang ada hubungan langsung atau tidak langsung dengan nasionalisme Melayu (Hng 2008). Tetapi nasionalisme ini bukan suatu yang sempit kerana telah diperluaskan untuk merangkumi kaum lain demi perpaduan dan kestabilan negara. Pada peringkat awal pergerakan kearah kemerdekaan adalah disedari tidak mungkin bagi sesuatu kaum memaksakan politiknya dan menolak kenyataan hadirnya kaum lain yang juga berhak untuk menyertai dalam politik negara. Usaha dibuat bagi mengeratkan kerjasama antara kaum sehingga tertubuhnya Perikatan UMNO-MCA pada awal 1952 bila kedua-dua parti ini bertanding dalam pilihan raya Perbandaran Kuala Lumpur. Kemenangan telah diperolehi oleh kedua-duanya dan ini membawa kepada kerjasama yang lebih jauh menjelang kemerdekaan (Abdul Rahman 2000).

Pada tahun 1955 bagi menghadapi pilihan raya umum yang pertama, Perikatan UMNO-MCA-MIC telah diwujudkan sebagai lambang permuafakatan dan kerjasama yang rapat antara kaum. Dengan pimpinan Tunku Abdul Rahman Putra, kemenangannya yang cemerlang telah diperoleh. Maka jelaslah kepada pihak penjajah bahawa kaum di Tanah Melayu adalah bersatu hati dan boleh merdeka (Zahalan 2014).

Bendera UMNO mengandungi empat warna, iaitu merah, putih, kuning dan hijau. Merah bererti Keberanian. Putih bermakna Kesucian dan Keikhlasan. Kuning bagi bulatan di tengah ialah lambang raja. Hijau warna keris di tengah adalah lambang agama Islam dan juga melambangkan tamadun Melayu (Lihat Rajah 1 & 2).



Rajah 1: Logo UMNO

Sumber: Laman Sesawang Rasmi UMNO



Rajah 2: Bendera Rasmi UMNO iaitu Sang Saka Bangsa

Sumber: Laman Sesawang Rasmi UMNO

Pengertian Sang Saka Bangsa merupakan nama baru yang diberi kepada bendera UMNO. Namanya secara rasminya telah diiktiraf pada Perhimpunan Agung UMNO 2006 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Sang adalah gelaran yang bersopan, dipakai pada orang zaman dahulu kala. Gelaran ini menunjukkan kesopanan dan tingginya budaya orang Melayu. Saka pula ialah peninggalan sesuatu keturunan Melayu yang berkaitan dengan rohaniah atau semangat sebagai kewibawaan keturunan tersebut. Bangsa membawa maksud 'Orang Melayu' yang menjadi bangsa yang berdaulat dan bangsa yang diperjuangkan hak dan maruahannya oleh UMNO.

Matlamat Penubuhan UMNO

Sejak tertubuhnya UMNO sampai ke masa sekarang, tujuan dan matlamatnya masih sama walaupun terdapat pindaan kecil dalam perlembagaannya bagi membetulkan ayat atau

menerangkan makna secara lebih jelas. Tujuan ini terkandung dalam Fasal 3 Perlembagaan UMNO, adalah seperti berikut iaitu UMNO adalah sebuah parti yang berjuang mendukung cita-cita Kebangsaan Melayu demi mengekalkan maruah dan martabat bangsa, agama dan negara.

- 1 Mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara.
- 2 Mendukung dan mempertahankan Perlembagaan Negara, Perlembagaan Negeri-negeri dan Raja Berperlembagaan.
- 3 Menegak, mempertahankan dan mengembangkan Islam, agama rasmi negara serta menghormati prinsip kebebasan beragama.
- 4 Mempertahankan kedaulatan rakyat dan keadilan sosial dengan mengamalkan Sistem Pemerintahan Demokrasi Berparlimen serta memajukan ekonomi rakyat Melayu dan Bumiputera khususnya dan rakyat Malaysia amnya.
- 5 Menjamin kedudukan Bahasa Kebangsaan (Bahasa Melayu) sebagai bahasa rasmi yang tunggal dan Kebudayaan Kebangsaan yang berteraskan Kebudayaan Melayu.
- 6 Mewujudkan kerjasama antara kaum bagi melahirkan satu bangsa Malaysia yang kuat dan bersatu berasaskan kepada hak-hak Asasi Manusia dan Hak-hak Istimewa Orang Melayu dan Bumiputera (Zahalan 2014).



Rajah 3: Mantan Presiden UMNO (2009-2018) YB Dato' Sri Haji Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak

Sumber: <https://www.mynewshub.tv/utama-sensasi/167052/>

Pada 12 Mei 2018, Datuk Seri Najib (Lihat Rajah 3) meletakkan jawatan sebagai Presiden UMNO dan Pengerusi BN serta merta selepas kekalahan Barisan Nasional pada pilihan raya umum ke-14 dan digantikan oleh Timbalan Presiden UMNO (yang menjalankan tugas-tugas Presiden), Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (Lihat Rajah 4). Kemudian dalam pemilihan Agong UMNO pada 29 dan 30 September 2018, perwakilan UMNO telah memilih Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi sebagai Presiden UMNO yang baru.



Rajah 4: Presiden UMNO (2018) YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi

Sumber: <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/07/20/zahid-umno-not-tolerate-members-disrespect-the-deceased/>

Selain itu, UMNO juga telah mengadakan Pemilihan UMNO pada 30 Jun 2018 dimana pertandingan jawatan Presiden UMNO telah dimenangi oleh Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi manakala jawatan Timbalan Presiden UMNO pula dimenangi oleh Dato' Seri Mohamad Hassan. Namun Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi telah bercuti daripada menjalankan tugas sebagai Presiden UMNO bermula 18 Disember 2018 yang kemudiannya dipangku oleh Timbalan beliau iaitu Dato' Seri Mohamad Hassan (Lihat Rajah 5) bagi memastikan kelancaran gerak kerja parti.



Rajah 5: Timbalan Presiden UMNO YB Dato' Seri Utama Mohamad bin Hasan

Sumber: <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/07/20/zahid-umno-not-tolerate-members-disrespect-the-deceased/>

Analisis Pencapaian UMNO dalam Pilihan Raya Umum Ke-14, 2018

Secara keseluruhannya, UMNO menang di 55 kerusi Parlimen dan 161 kerusi DUN dalam PRU-14, 2018. Ini menunjukkan bahawa UMNO selaku tunjang dalam parti komponen BN telah tewas pada peringkat Parlimen/Persekutuan yang mempunyai 222 kerusi Parlimen. UMNO selaku ketua kerajaan negeri era 2013-2018 juga tewas di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Kedah, Terengganu dan Sabah, sebaliknya hanya kekal di Perlis dan Pahang. Namun demikian, jika dilihat dari segi penguasaan kerusi mengikut parti politik secara individu, UMNO sebenarnya masih merupakan parti politik yang menguasai jumlah kerusi Parlimen dan DUN secara keseluruhan (Lihat Jadual 1).

**Jadual 1: Pencapaian UMNO dalam PRU-14, 2018 Mengikut Negeri serta Kerusi
Parlimen dan DUN**

Negeri/Kerusi	Parlimen		DUN	
	Tanding	Menang	Tanding	Menang
Johor	16	6	35	17
Kedah	13	2	29	3
Kelantan	14	5	44	8
Melaka	6	2	28	13
Negeri Sembilan	5	3	19	13
Melaka	6	2	28	13
Pahang	10	8	31	23
Pulau Pinang	5	2	15	2
Perak	13	10	37	27
Perlis	3	2	13	10
Sabah	14	7	32	18
Sarawak	-	-	-	-
Terengganu	8	2	31	10
Selangor	9	2	35	4
Wilayah Persekutuan (KL, Putrajaya dan Labuan)	6	2	-	-
Jumlah	128	55	377	161

Sumber: SPR 2018 & The Star 2018

Jika dilihat dari segi sokongan mengikut etnik juga, etnik Melayu secara majoritinya masih menyokong UMNO terutamanya di kawasan DUN dan Parlimen yang majoritinya etnik Melayu. Undi Melayu terbahagi kepada tiga parti politik iaitu UMNO, PAS dan parti komponen dalam Pakatan Harapan namun UMNOlah yang mendapat sokongan daripada pengundi Melayu terutamanya di kawasan luar bandar yang berpendapatan rendah dan juga golongan tua.

Majoriti pengundi etnik Melayu masih menyokong UMNO kerana identifikasi parti politik yang tinggi disebabkan kefahaman dan prinsip perjuangan parti politik yang mereka dokongi yang tinggi serta tahu mengenai latar belakang perjuangan sejarah parti politik yang mereka sokong tersebut (Funston 2018). Faktor sokongan kepada UMNO juga adalah kerana parti tersebut lebih kuat di kawasan luar bandar disebabkan ahli parti politik di kawasan luar bandar lebih aktif dan saling mengenali antara satu sama lain disebabkan semangat kejiwaan dan kebersamaan dalam apa jua perkara atau isu yang berlaku dalam pengetahuan mereka. Golongan yang berumur 50 tahun dan keatas majoritinya menyokong UMNO kerana golongan ini lebih aktif dalam kegiatan parti politik sebagai pemimpin, pekerja parti, perayu undi dan sebagai golongan pendesak dalam parti politik. Dengan peranan sedemikian maka faktor parti menjadi faktor yang penting dalam menentukan sokongan golongan yang berumur sedemikian dalam sesuatu pilihan raya atau proses pengundian.

Bersesuaian dengan budaya hidup masyarakat luar bandar yang majoritinya menyokong UMNO yang dilihat mempunyai nilai hidup berbudi bahasa, mereka mengenang jasa pihak yang selama ini memberi kesenangan kepada mereka iaitu pihak kepimpinan UMNO yang

telah sejak kesekian lamanya memerintah negara ini dan negeri lain sejak tahun 1955 lagi seterusnya akan membalas budi dengan cara tertentu iaitu dalam konteks politik dengan memberi undi kepada pihak yang berbudi kepada mereka. Selain itu mereka juga menyokong UMNO kerana pemimpin UMNO bersikap mesra rakyat. Pemimpin UMNO yang telah lama memimpin rakyat sepastinya berpengalaman dalam berurusan dengan rakyat dan tahu keluh-kesah rakyat. Pengalaman berurusan dengan rakyat ini membentuk sikap berusaha untuk menyelesaikan masalah rakyat sebaik dan secepat mungkin seterusnya menghasilkan karekter mesra rakyat yang akhirnya disukai rakyat serta menjadi budaya dalam pimpinan UMNO apabila berhadapan dengan rakyat.

Pendekatan pemimpin UMNO yang dilihat sederhana menjadi faktor sokongan pengundi Melayu kepada UMNO. Pendekatan ini lebih sesuai untuk menarik sokongan pengundi terutamanya golongan atas pagar dan tidak berparti. Ini kerana golongan ini lebih selesa dengan keadaan politik yang aman dan tidak tegang serta tidak terlalu taksud dan ekstrim. Golongan ini hanya ingin keamanan dan kemakmuran serta kestabilan politik yang dapat menjamin kehidupan mereka yang lebih tenteram dan sejahtera. Pendekatan UMNO yang sederhana ini menjadi pilihan pengundi yang tidak berparti ini. Ini adalah penting kerana hampir separuh daripada komposisi pengundi di negara ini merupakan pengundi atas pagar atau tidak berparti dan ini boleh mempengaruhi pola atau corak keputusan pengundian dalam sesuatu pilihan raya.

UMNO juga masih mendapat keyakinan yang tinggi oleh para pengundi khususnya di kawasan luar bandar (Chin & Welsh 2019). Sebagai parti yang telah lama bertapak di negara ini, keyakinan tersebut menunjukkan UMNO masih lagi relevan dalam kalangan pengundi di kawasan luar bandar terutamanya di negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Keyakinan tersebut bersandarkan kepada rekod perkhidmatan UMNO yang telah mentadbir lama di negara ini. Rekod perkhidmatan sesebuah parti memberikan keyakinan yang tinggi kepada pengundi. Rekod perkhidmatan yang baik di samping parti yang sudah lama sehati dengan penduduk di kawasan luar bandar telah memberikan keyakinan kepada pengundi tersebut terhadap kemampuan UMNO memerintah di negara ini.

Pengundi di kawasan luar bandar juga yakin terhadap UMNO untuk membela nasib Orang Melayu kerana parti ini terbukti apabila menguasai negara ini sejak kemerdekaan hinggalah sekarang telah berjaya meningkatkan taraf hidup Orang Melayu sehingga berjaya melahirkan usahawan-usahawan Orang Melayu yang berjaya disamping memajukan kawasan Orang Melayu dengan baik dan tersusun (Junaidi, Mohd Fuad & Mohd Nizar 2018). Pengundi di kawasan luar bandar ini yakin bahawa hanya parti UMNO selaku parti keramat Orang Melayu yang dapat membela nasib dan memajukan taraf sosioekonomi Orang Melayu sesuai dengan perlembagaan parti ini yang menjadi pegangan pemimpin dan ahli atau Orang UMNO dulu kini dan selamanya.

Pengundi di kawasan luar bandar lebih yakin dengan perjuangan UMNO untuk membela hak Orang Melayu. Golongan pengundi luar bandar kebanyakannya merupakan golongan yang berada dalam persekitaran asal/semula jadi yang sesetengah kawasan tersebut masih memerlukan pembangunan infrastruktur yang baik dan selesa. Bersesuaian dengan pengalaman UMNO memerintah negara ini sejak merdeka maka banyak projek pembangunan yang telah dibuat oleh Kerajaan UMNO sama ada Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Pusat. Justeru, pengundi luar bandar merasa terhutang budi dengan UMNO sebagai parti pemerintah

disamping golongan di luar bandar ini mengharapkan kerja-kerja pembangunan infrastruktur ini dilakukan secara berterusan sesuai dengan peredaran masa dan zaman.

Orang Melayu di kawasan luar bandar juga amat setia dalam perjuangan kerana mereka mempunyai semangat hidup yang kental dan sabar dalam perjuangan. Harapan mereka terhadap UMNO adalah tinggi kerana mereka masih mengharapkan agar UMNO dapat terus membantu dan membela nasib Orang Melayu demi agama, bangsa dan tanah air. Paksi kekuatan sesuatu bangsa adalah kuasa politik yang perlu dipertahankan hingga ke akhir hayat. Begitu juga dengan harapan Orang Melayu agar kuasa politik Orang Melayu dapat diperjuangkan melalui platform parti politik UMNO. Justeru mereka berharap agar UMNO dapat terus memainkan peranan yang penting sebagai tunjang kekuatan Orang Melayu dalam perjuangan membela agama, bangsa dan tanah air yang tercinta ini.

Golongan yang berumur 51 tahun dan ke atas iaitu golongan warga emas/tua ini lebih yakin dengan perjuangan UMNO kerana golongan tua/warga emas ini merupakan penyokong tegar UMNO tinggal di kawasan luar bandar. Golongan ini hidup pada zaman penjajahan dan telah melalui perit getir untuk meneruskan kehidupan pada zaman tersebut. Perjuangan UMNO untuk mendapatkan kemerdekaan daripada penjajah serta pembangunan awal oleh parti pemerintah yang ditunjangi UMNO menjadikan golongan tua ini merasa terhutang budi dengan UMNO. Justeru, mereka terus menyokong UMNO di samping mereka berpandangan bahawa hanya UMNO sahajalah merupakan parti keramat Orang Melayu yang dapat membela agama, bangsa dan tanah air disamping dapat menstabilkan kuasa politik di negara ini. Sokongan orang tua ini diteruskan lagi oleh golongan muda dan seterusnya sebagai menghormati pendirian orang tua dan seterusnya menjadi sokongan turun-temurun daripada anak hinggalah ke cucu-cicit.

Selain itu, golongan yang berpendapatan rendah lebih meyakini perjuangan UMNO untuk membela Orang Melayu kerana Kerajaan Pusat di bawah penguasaan UMNO telah banyak membantu golongan ini sejak dahulu hingga kini. Sebagai contohnya di bawah pemerintahan Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah memperkenalkan bantuan one off BR1M kepada golongan berpendapatan rendah. Golongan ini juga diberi peluang untuk memiliki rumah sendiri seperti rumah PPR, rumah PPRT, Skim Rumah Pertamaku dan sebagainya di samping diberi geran untuk memulakan perniagaan melalui MARA, JKM dan sebagainya. Justeru, golongan ini dapat merasa bantuan daripada Kerajaan UMNO seterusnya menjadikan mereka terhutang budi dengan UMNO seadanya.

Justeru, harapan pengundi Melayu terutamanya yang tinggal di luar bandar yang berpendapatan rendah terhadap UMNO adalah tinggi. Ini kerana ketika UMNO mempunyai kuasa politik di negara ini, Orang Melayu berharap agar kepemimpinan parti UMNO memanfaatkan sebaiknya peluang yang ada untuk terus membantu membaiki nasib Orang Melayu dalam semua bidang terutamanya ekonomi. Orang Melayu akan dihormati dan disegani apabila mereka menguasai semua bidang sama ada ekonomi, sosial dan politik. Mereka juga berharap agar pemimpin yang ada dalam UMNO ini berjuang untuk mengangkat martabat bangsa Melayu dengan mengenyepikan kepentingan peribadi disamping dapat membentuk jati diri yang kukuh untuk memastikan bangsa Melayu terus cemerlang, gemilang dan terbilang di seantero negara dan antarabangsa.

UMNO Pasca PRU 2018

Pasca PRU-14, 2018 menyaksikan buat pertama kalinya UMNO yang menunjangi BN telah hilang kuasa pada peringkat Persekutuan dan tewas sebagai penguasa negeri di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Kedah dan Terengganu. Pakatan Harapan yang menggunakan logo PKR berjaya menguasai Kerajaan Persekutuan/Putrajaya dengan 125 kerusi daripada keseluruhan 222 kerusi Parlimen yang dipertandingkan serta berjaya menawan Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak dan Kedah serta kekal di Selangor dan Pulau Piang manakala PAS berjaya menawan Terengganu dan kekal di Kelantan. Secara keseluruhannya sehari selepas hari pengundian, UMNO menang di 55 Parlimen daripada 222 kerusi Parlimen seluruh negara. Namun sehingga 14 Disember 2018, jumlah kerusi Parlimen UMNO berkurang kepada 37 kerusi kerana 18 orang ahli Parlimen UMNO/BN telah melompat parti menyertai PH/BERSATU.

Selain itu, UMNO juga telah mengadakan Pemilihan UMNO pada 30 Jun 2018 dimana pertandingan jawatan Presiden UMNO telah dimenangi oleh Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi manakala jawatan Timbalan Presiden UMNO pula dimenangi oleh Dato' Seri Mohamad Hassan. Namun Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi telah bercuti daripada menjalankan tugas sebagai Presiden UMNO bermula 18 Disember 2018 yang kemudiannya dipangku oleh Timbalan beliau iaitu Dato' Seri Mohamad Hassan bagi memastikan kelancaran gerak kerja parti.

UMNO yang masih menggunakan tiket BN juga menyertai Pilihan Raya Kecil (PRK) selepas PRU 2018 di DUN Sungai Kandis (4 Ogos 2018), DUN Semenyih (2 Mac 2019) dan DUN Rantau dimana UMNO menang di DUN Semenyih dan DUN Rantau (13 April 2019). Kejayaan UMNO dalam 2 PRK berturut-turut menunjukkan bahawa UMNO sedang mengalami fasa pemulihan selepas tewas pada PRU 2018 untuk bangkit menuju PRU-15 akan datang. Pasca PRU 2018 juga menyaksikan UMNO membentuk 'perpaduan ummah' dengan PAS untuk membentuk parti pembangkang yang kuat dengan menjalinkan kerjasama dari segi pertandingan dalam pilihan raya untuk mengelakkan pertandingan sesama parti pembangkang yang boleh melemahkan sokongan pengundi kepada parti pembangkang. Kerjasama 'perpaduan ummah' ini telah memberi kesan yang positif. Sokongan pengundi PAS pada PRU 2018 yang lalu kepada UMNO/BN dalam PRK 2018-2019 membuahkan hasil dalam PRK DUN Semenyih, DUN Rantau dan Parlimen Cameron Highlands apabila UMNO/BN menang dengan menawan semula DUN Semenyih daripada PH dan menang dengan majoriti lebih besar di DUN Rantau dan Parlimen Cameron Highlands serta berjaya mengurangkan majoriti kemenangan PH di DUN Sungai Kandis, DUN Seri Setia dan DUN Balakong. Kemenangan calon UMNO/BN dalam beberapa siri PRK dilihat petanda positif untuk UMNO semakin pulih serta bangkit selepas kekalahan pada peringkat Persekutuan. Peningkatan sokongan ini berpunca daripada sokongan daripada pengundi PAS, calon UMNO/BN yang berkualiti, jentera pilihan raya yang mantap dan tersusun serta kelemahan PH itu sendiri antaranya kerana kegagalan PH menunaikan janji dalam manifesto PRU 2018 yang lalu, kegagalan Kerajaan PH menangani isu ekonomi iaitu harga barang dan kos sara hidup serta peluang pekerjaan yang terhad, kegagalan Kerajaan PH menangani isu perkauman dan agama dengan baik (perlantikan hakim dan peguam negara daripada orang bukan Melayu/bukan Islam, isu ICERT, isu pergaduhan kaum terhadap kuil Hindu di Subang Jaya, isu Tabung Haji dan statut Rome), calon yang ditolak pengundi, jentera pilihan raya PH yang tidak terpusat antara parti-parti komponen PH dan tindakan serta keputusan Kerajaan PH yang berubah-ubah. Justeru, lonjakan sokongan terhadap UMNO dilihat sebagai

berlakunya pemulihan seterusnya dapat membangkitkan semangat UMNO menuju PRU akan datang.

Pembentukan kerajaan baharu oleh Pakatan Harapan (PH) tidak bertahan lama apabila krisis politik Malaysia berlaku pada awal tahun 2020. Ianya membawa kepada perletakan jawatan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ketujuh pada 24 Februari 2020 dan pelantikan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelapan pada 1 Mac 2020. Peristiwa ini memperlihatkan penyingkiran kerajaan gabungan Pakatan Harapan (PH) selepas berkuasa selama 22 bulan berikutan kemenangan mereka pada Pilihan Raya Umum (PRU14) pada tahun 2018.

Justeru, politik negara ini menyaksikan berlaku lagi perubahan ekoran daripada pengumuman Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 24 Februari 2020, yang parti tersebut telah keluar daripada Pakatan Harapan dan bergabung dengan Muafakat Nasional (MN) yang dianggotai UMNO dan PAS serta MCA dan MIC yang akhirnya membentuk Kerajaan Perikatan Nasional (PN). Krisis ini bermula apabila beberapa parti politik bergabung dan cuba membentuk kerajaan baru dengan mendakwa majoriti kerusi di Dewan Rakyat Parlimen Malaysia, tanpa melalui pilihan raya. Ianya dicapai melalui penarikan diri Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) atau BERSATU dari gabungan Pakatan Harapan (PH) dan melalui sokongan beberapa ahli parlimen dari Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang meninggalkan parti itu. Akibatnya, perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad meletak jawatan.

Pada Perhimpunan Agung UMNO (PAU) 29 Mac 2021, usul memutuskan kerjasama politik dengan Bersatu yang menerajui Kerajaan Perikatan Nasional (PN) dalam Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) dipersetujui sebulat suara perwakilan parti. Presiden UMNO Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi ketika sidang media selepas menggulung perbahasan, berkata perhimpunan kali ini turut meluluskan usul Ahli Parlimen UMNO dan Barisan Nasional (BN) seramai 42 orang tidak akan bersama kerajaan PN apabila Parlimen dibubarkan. Dalam konteks ini, usul lain yang dicadangkan dan diterima sebulat suara perwakilan UMNO bahawa PRU-15 mesti diadakan dalam tempoh dari 1 Ogos 2021 selepas darurat tamat atau satu tarikh sebelumnya jika darurat ditamatkan (lebih awal).

Rumusan Mengenai UMNO

Sebagai kesimpulannya, UMNO telah melalui politik di negara ini sejak sekian lamanya dan pelbagai isu dan perubahan budaya politik telah ditempuhi parti tersebut. Pengalaman dalam berpolitik mematangkan pemimpin parti ini untuk terus maju bersama rakyat di negara ini. Jasa UMNO dalam pemerintahan di negara ini sejak tahun 1955 sehinggalah sekarang selama 14 kali pilihan raya umum tidak dapat disangkal mana-mana pihak sekalipun. Turun naik politik itu adalah situasi normal yang akan dialami mana-mana parti politik di negara ini dan juga di seluruh dunia. Dalam konteks politik pilihan raya, sokongan pengundi Melayu di kawasan luar bandar terhadap UMNO masih kukuh adalah disebabkan faktor seperti mesra rakyat, mengenang jasa, berpengalaman, menepati janji dan memperjuangkan kemajuan. Meskipun UMNO merupakan parti politik yang bersifat perkauman, namun dengan komposisi etnik di negara ini yang bersifat campuran dan terpisah mengikut kawasan bandar-luar bandar maka politik perkauman akan terus relevan dalam persada politik pilihan raya di negara ini. UMNO sebagai tonggak parti politik di negara ini akan terus memainkan peranan dalam memajukan negara disamping memupuk keamanan dan keharmonian kaum di negara ini.

Parti Amanah Negara (AMANAHAH)

Parti Amanah Negara (AMANAHAH) ditubuhkan pada 16 September 2015 di Shah Alam, Selangor. AMANAHAH tertubuh hasil daripada pemimpin yang tersingkir dalam pemilihan muktamar PAS di Kuala Selangor pada 4 Jun 2015. Pemimpin yang tersingkir secara beramai-ramai tersebut adalah daripada golongan profesional dan progresif dalam perjuangan parti untuk memastikan PAS dapat bekerjasama dengan parti lain terutamanya parti bukan Melayu dan bukan Islam. Penubuhan parti ini mendapat sokongan awal daripada ahli PAS dalam siri ceramah penerangan di Bakri, Johor. Parti ini memperjuangkan dasar Islam Progresif yang memberi rahmat kepada seluruh alam termasuk kepada orang bukan Islam. Pemimpin parti ini juga berpandangan, di Malaysia, untuk memenangi pilihan raya bagi mendapatkan kuasa, parti politik perlu bergabung dengan parti lain, bertoleransi, bertolak ansur dalam perbincangan/mesyuarat dan menerima pandangan majoriti dalam parti komponen. Ini kerana dipengaruhi oleh demografi pengundi Malaysia yang masih bersifat campuran iaitu tiada etnik dominan 80 peratus ke atas. Selepas penubuhan parti ini, beberapa ahli Parlimen dan ADUN PAS telah ‘melompat’ parti daripada PAS ke AMANAHAH iaitu bagi Parlimen Kota Raja, Shah Alam, Sepang dan Pokok Sena; manakala bagi DUN pula ialah Pengkalan Kundor, Changkat Jering, Salor, Kuala Semantan, Hulu Kelang, Morib dan Parit Yaani. Penyertaan pertama kali AMANAHAH dalam pilihan raya di negara ini ialah pada Pilihan Raya DUN Sarawak pada 11 April 2016 iaitu bertanding di 13 kawasan DUN di serata Negeri Sarawak. Bagi Pilihan Raya Umum (PRU), PRU 2018 merupakan PRU yang pertama disertai AMANAHAH. Dalam PRU tersebut, AMANAHAH berjaya memenangi 11 kerusi Parlimen (daripada 35 kerusi Parlimen yang ditandingi) dan menang di 31 kerusi DUN (daripada 110 kerusi DUN yang ditandingi). Dalam konteks makalah ini, penulisan akan menjuruskan kepada latar belakang penubuhan AMANAHAH, sejarah perkembangan AMANAHAH, AMANAHAH dalam pilihan raya, analisis pencapaian AMANAHAH dalam PRU 2018 dan AMANAHAH pasca PRU 2018.

Latar Belakang Penubuhan Parti Amanah Negara (AMANAHAH)

Dari segi sejarah awal penubuhan AMANAHAH, ia bermula apabila Majlis Syura PAS mengesahkan hubungan kerjasama politik dengan DAP dibatalkan yang telah mengakibatkan Pakatan Rakyat berkubur. Keputusan itu kemudiannya menyebabkan wujud dua kumpulan pemimpin dalam PAS dengan satu kumpulan dipelopori ulama muda mahu PAS bersendirian, dan satu lagi kumpulan dipelopori sebahagian besarnya oleh golongan profesional dan progresif, yang mahu hubungan dengan PKR dan DAP dalam Pakatan Rakyat dikekalkan.

Kumpulan progresif ini juga mahu meneruskan pendekatan politik yang telah dipelopori oleh Tuan Guru Datuk Ustaz Fadzil Mohd Noor dan Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat iaitu bekerjasama dengan PKR dan DAP. Sejarah merekodkan bahawa sokongan rakyat terhadap PAS paling menyerlah pada PRU-13 khususnya sokongan bukan Islam kesan kerjasama antara ketiga-tiga parti ini. Ekoran perbezaan aliran pemikiran ini, kumpulan progresif yang turut disertai oleh ulama dan aktivis politik ini dituduh tidak wala’, munafik, pengkhianat oleh kumpulan satu lagi sehingga pada Muktamar PAS di Kuala Selangor pada Jun 2015, kumpulan ini disingkir secara terancang oleh kumpulan ulama muda ini.

Keputusan muktamar yang memperlihatkan pimpinan progresif ‘gugur setandan’ itu mencetus rasa tidak puas hati dalam kalangan ahli dan aktivis parti di peringkat bawahan yang kemudian menganjurkan Wacana Melawati (sempena mengambil nama tempat pertemuan di Taman Melawati, Kuala Lumpur) pada tarikh 14 Jun 2015. Pada perhimpunan

ini mereka telah membuat resolusi mendesak pemimpin yang disingkir pada muktamar PAS lalu untuk menubuhkan satu gerakan baru. Maka bermula detik itu, satu perjalanan perjuangan baru bermula. Secara rasminya, AMANAH ditubuhkan pada 16 September 2015 di Shah Alam, Selangor dengan menggunakan logo A seperti dalam Rajah 6. Presiden pertama AMANAH ialah YB Tuan Haji Mohamad Sabu (Lihat Rajah 7).



Rajah 6: Logo Parti Amanah Negara (AMANAH)

Sumber: <https://amanah.org.my/sejarah/>



Rajah 7: Presiden Parti Amanah Negara sekarang (2015-sekarang/2019) iaitu Tuan Haji Mohamad Sabu

Sumber: <https://amanah.org.my/pemimpin/>

Kronologi Penubuhan Dan Senario Politik Pilihan Raya Parti Amanah Negara

Penubuhan dan senario politik pilihan raya Parti Amanah Negara dapat dilihat mengikut beberapa tarikh penting. Pada 4 Jun 2015 menyaksikan penyingkiran kumpulan progresif dalam PAS. Penyingkiran secara beramai-ramai pemimpin progresif yang menyokong pemikiran tajdid telah dilakukan dalam Muktamar PAS kali ke 60 di Kuala Selangor. Kemudian pasca Muktamar PAS di Kuala Selangor pada 14 Jun 2015, berlangsung Deklarasi Melawati. Satu pertemuan di Taman Melawati, Kuala Lumpur yang disusun oleh sekumpulan aktivis PAS dari seluruh negara yang tidak berpuas hati dengan keputusan muktamar. Pada pertemuan ini mereka secara konsensus membuat resolusi mendesak pemimpin dari kumpulan progresif ini menubuhkan parti baharu yang berteraskan Islam, merangkumi ciri-ciri progresif, demokratik, moderat dan berintegriti yang mendokong Pakatan Rakyat.

Berikutnya pada 16 Jun 2015 pula berlangsung Himpunan Bakri. Dua hari selepas Deklarasi Melawati, satu program “Jasamu di Kenang” telah dianjurkan oleh PAS Bakri, Johor untuk memberi penghargaan kepada 18 orang bekas pimpinan progresif PAS yang telah disingkirkan. Ketika bekas pimpinan berucap, suara dari hadirin tidak putus-putus

melaungkan agar sebuah parti baru yang berasaskan Islam dibentuk untuk memastikan agenda untuk menumbangkan Barisan Nasional dapat diteruskan. Laungan untuk menubuhkan sebuah parti baharu semakin kuat kedengaran sehingga dapat disimpulkan itulah kehendak sebahagian besar hadirin pada malam tersebut.

Kemudian pada 13 Julai 2015, berlangsung Perlancaran Gerakan Harapan Baru. Satu sidang media telah diadakan untuk melancarkan Gerakan Harapan Baru yang telah diadakan di Hotel Vistana, Kuala Lumpur. Objektif utama ialah untuk menggerakkan semula kerjasama politik tahaluf siyasi dan menubuhkan sebuah parti baharu yang berasaskan Islam. Slogan Amanah, Progresif dan Peduli diperkenalkan. Pertemuan dengan NGO-NGO turut diadakan. Seterusnya pada 9 Julai 2015 ialah Siri Jelajah Harapan Baru. Siri Jelajah ini bermula di Kota Bharu, Kelantan dan digerakkan di seluruh negara. Sambutan rakyat, ahli dan aktivis sangat luar biasa dan siri jelajah ini turut disertai oleh segenap lapisan masyarakat. Rata-rata rakyat kecewa dengan berkuburnya Pakatan Rakyat dan inginkn satu parti baharu berasaskan Islam untuk membawa pemikiran tajdid ini direalisasikan.

Pada 08 Ogos 2015 ialah Sidang Anak Muda. Gerakan Anak Muda Harapan Baru (GAMHB) telah mengadakan satu persidangan yang telah diwakili oleh pelbagai segmen anak muda. Mereka membincangkan pelbagai isu dan masalah negara. Lima resolusi bertindak dan lima tuntutan telah dihasilkan. Pada sidang ini juga, satu Jawatankuasa Sidang Anak Muda Selamatkan Malaysia telah berjaya dibentuk. Seterusnya 15 Ogos 2015 berlangsung Nadwah Ulama' Li Nahdhah Jadidah (NUNJI).

Satu persidangan yang menghimpunkan ulama dan asatizah dari dalam dan luar negara membincangkan isu Fiqh Islami dan Kenegaraan ke arah melahirkan Fiqh Malaysia berpandukan Maqasid Syariah. Kemajmukan kaum dan realiti semasa masyarakat antara ciri-ciri Fiqh Malaysia yang cuba dihasilkan sebagai rujukan kepada parti baharu yang bakal ditubuhkan dalam pendekatannya memperjuangkan Islam.

Kemudian pada 31 Ogos 2015, bekas pemimpin progresif PAS yang tersingkir dalam Muktamar PAS 2015 telah ambil alih Parti Pekerja-Pekerja Malaysia dalam usaha menubuhkan parti mereka sendiri. Parti Pekerja-Pekerja Malaysia telah ditubuhkan pada Januari 1978 oleh Ganga Nayar, wanita pertama yang mengetuai sebuah parti politik di Malaysia. Parti tersebut mempunyai calon tunggal, iaitu presidennya sendiri untuk bertanding pada Pilihan Raya Umum 1978 di Parlimen Sungai Besi serta di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungei Way. Beliau telah kehilangan deposit di kedua-dua buah kerusi pemilihan. Sejak itu, Parti Pekerja-Pekerja Malaysia tidak bertanding di mana-mana pilihan raya di Malaysia. Parti Pekerja-Pekerja Malaysia adalah parti yang tidak aktif sehingga diambil alih oleh Gerakan Harapan Baru pada 31 Ogos 2015. Simbol atau logo Parti Pekerja-Pekerja Malaysia adalah sebatang cangkuk dengan sebuah gerigi gear berlatarbelakang warna hijau gelap.

Gerakan Harapan Baru mengambil alih PPPM selepas cubaan menubuhkan Parti Progresif Islam (PPI) ditolak oleh Kementerian Dalam Negeri. Gerakan Harapan Baru telah bersetuju dengan satu-satunya syarat yang diberikan oleh ahli-ahli PPPM yang menghendaki Gerakan tersebut untuk tidak bekerjasama dengan Barisan Nasional (BN) dan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Pengerusi Gerakan Harapan Baru, Mohamad Sabu berkata, pihaknya akan menukar nama Parti Pekerja-Pekerja Malaysia kepada Parti Amanah Negara (AMANAH). Sebaik sahaja AMANAH diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan (RoS),

ianya telah dilancarkan secara rasmi pada 16 September yang juga merupakan Hari Malaysia dengan sekurang-kurangnya 35,000 orang penyertaan ahli. Ahli-ahli PPPM telah bersetuju membenarkan pertukaran nama Parti Pekerja-Pekerja Malaysia kepada Parti Amanah Negara (AMANAH) dalam mesyuarat agung tergempar (EGM) pada 8 September 2015, yang turut mempersetujui perubahan logo dan bendera. AMANAH telah dilancarkan secara rasmi pada 16 September 2015 pada peringkat kebangsaan, sementara ia masih menunggu kelulusan Pendaftar Pertubuhan (RoS). AMANAH adalah pengambilalihan dan penjenamaan semula Parti Pekerja untuk menjadi sebuah parti politik baru yang diterajui oleh para pemimpin yang telah meninggalkan PAS. Logo baru dan bendera telah diumumkan pada pelancaran rasminya pada 16 September 2015. Sidang media kedua telah diadakan di Hotel Vistana, Kuala Lumpur memaklumkan kejayaan mengambil alih sebuah parti politik sedia ada melalui Mesyuarat Agung Luar Biasa. Perlembagaan dan nama parti tersebut akan ditukar kepada Parti Amanah Negara (AMANAH). Dasar perjuangannya adalah Islam.

Pada 16 September 2015 merupakan pelancaran perdana Parti Amanah Negara. Satu majlis pelancaran gilang gemilang melancarkan Parti Amanah Negara (AMANAH) telah diadakan di IDCC, Shah Alam, Selangor. Ia sekaligus melahirkan sebuah lagi parti Islam di negara ini yang bersifat inklusif dan bekerjasama dengan beberapa parti politik pembangkang lain serta NGO-NGO sedia ada untuk membawa perubahan ke arah kebaikan kepada Malaysia.

Seterusnya pada 11 April 2016, buat pertama kalinya Parti Amanah Negara menyertai pilihan raya. AMANAH menyertai pilihan raya buat kali pertama melalui PRU DUN Negeri Sarawak Ke-11 sebagai komponen Pakatan Harapan (PH) dengan meletakkan 13 Calon yang terdiri dari calon Melayu, Cina dan Iban sebagai simbol penyertaan semua kaum dalam AMANAH. Pada pilihan raya ini, AMANAH melancarkan 7 Tawaran Amanah untuk Sarawak. Dalam pilihan raya ini juga AMANAH memperkenalkan simbol Tangan berbentuk 'A' sebagai simbol sokongan kepada AMANAH. Walaupun AMANAH kalah disemua kerusi yang dipertandingkan, namun AMANAH berjaya menjadikan PRU DUN Sarawak sebagai medan untuk memperkenalkan parti baru tersebut.

Selepas penubuhan parti ini juga, beberapa ahli Parlimen dan ADUN PAS telah 'melompat' parti daripada PAS ke AMANAH iaitu bagi Parlimen Kota Raja, Shah Alam, Sepang dan Pokok Sena; manakala bagi DUN pula ialah Pengkalan Kundor, Changkat Jering, Salor, Kuala Semantan, Hulu Kelang, Morib dan Parit Yaani. Tindakan mereka melompat parti ini menjadi kontroversi apabila dikaitkan dengan melanggar baiah atau sumpah sebelum mereka disahkan bertanding atas tiket PAS sebelum hari penamaan calon PRU 2013 yang lalu.

Penubuhan AMANAH ini adalah untuk mengisi kelompongan yang ditinggalkan oleh PAS yang keluar daripada pakatan parti pembangkang iaitu Pakatan Rakyat (PR) yang kemudiannya dijenamakan semula menjadi Pakatan Harapan (PH) yang ditubuhkan pada 22 September 2015. Pakatan Harapan merupakan pengganti terus kepada gabungan tiga parti Pakatan Rakyat yang terdiri daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Pakatan Harapan ditubuhkan pada 22 September 2015, dua tahun selepas pilihan raya umum 2013, kerana perselisihan dan konflik antara PAS dan DAP terutamanya mengenai isu pelaksanaan undang-undang syariah, menyebabkan PAS berpecah dari Pakatan Rakyat dan membubarkan gabungan itu pada 16 Jun 2015. Pembubaran itu menyebabkan pembentukan gabungan baru bernama Pakatan Harapan, yang terdiri daripada bekas parti Pakatan Rakyat, PKR dan DAP, dan parti pembangkang PAS, Parti Amanah Negara (AMANAH). Pada 12 November 2016, parti

pemisah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Parti Pribumi Bersatu Malaysia, yang disingkatkan sebagai BERSATU, mengesahkan bahawa parti itu komited untuk menyertai blok pembangkang Pakatan Harapan, seperti yang dinyatakan oleh Pengerusi PPBM dan bekas Perdana Menteri, Mahathir Mohamad. Kemudian pada 13 Disember, PPBM membentuk pakatan pilihan raya dengan Pakatan Harapan menerusi perjanjian tujuh perkara di ibu pejabat PKR, dan pada 14 Mac 2017, PPBM secara rasmi menyertai Pakatan Harapan sebagai ahli.

Pada 14 Julai 2017, barisan Majlis Presiden telah disahkan. Logo biasa juga diperkenalkan dengan perkataan "Harapan" dengan "A" berbentuk sebagai chevron berwarna putih pada latar belakang merah. Logo itu akan digunakan oleh semua calon yang turut serta sekiranya pakatan mendaftar dalam masa untuk pilihan raya umum ke-14. Perjanjian itu juga mengumumkan bahawa logo PKR akan digunakan sebagai simbol pilihan raya di seluruh Malaysia Barat. Sementara itu, pakatan di Malaysia Timur mengumumkan bahawa mereka akan menggunakan logo pihak masing-masing semasa pilihan raya. Pada 16 Mei 2018 iaitu selepas PRU 2018, gabungan ini telah didaftarkan secara rasmi dengan ROS dan juga SPR.

Parti Amanah Negara dalam Pilihan Raya

Penyertaan pertama kali AMANAH dalam pilihan raya di negara ini ialah pada Pilihan Raya DUN Sarawak pada 11 April 2016 iaitu bertanding di 13 kawasan DUN di serata Negeri Sarawak iaitu di DUN Demak Laut, Samariang, Muara Tuang, Sadong Jaya, Gedong, Sebuyau, Beting Maro, Kabong, Kuala Rajang, Semop, Daro, Jemoreng dan Balingian. Namun AMANAH gagal memenangi sebarang kerusi DUN pada PRU DUN tersebut. Namun demikian, percubaan kali pertama AMANAH dalam pilihan raya adalah percubaan yang baik kerana parti tersebut masih mendapat sebahagian daripada pengundi di kawasan yang ditandingi parti tersebut.

Bagi PRU 2018 merupakan PRU yang pertama disertai AMANAH. AMANAH bertanding sebagai salah satu parti komponen dalam PH bersama-sama dengan PKR, DAP dan PPBM/BERSATU yang menggunakan logo PKR kerana permohonan PH untuk menggunakan logo sendiri masih dalam pertimbangan RoS dan belum sempat mendapat kelulusan daripada RoS dan SPR. AMANAH bertanding di kawasan majoriti Melayu di Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Kedah serta bertanding di kawasan campuran etnik di Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Sarawak dan Sabah. AMANAH bertanding di 35 kawasan Parlimen iaitu di Padang Terap, Sik dan Pokok Sena (Kedah); Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Rantau Panjang, Kubang Kerian dan Kuala Krai (Kelantan); Kuala Nerus, Kuala Terengganu dan Marang (Terengganu); Kepala Batas (Pulau Pinang); Parit Buntar, Kuala Kangsar, Parit dan Lumut (Perak); Temerloh (Pahang); Kuala Selangor, Hulu Langat, Shah Alam, Kota Raja dan Sepang (Selangor); Jelevu dan Tampin (Negeri Sembilan); Jasin (Melaka); Parit Sulong dan Pulai (Johor); Santubong, Kota Samarahan, Batang Sadong, Batang Lupar, Tanjong Manis dan Igan (Sarawak); dan Batu Sapi (Sabah). Bagi kerusi DUN pula, AMANAH bertanding di 110 kerusi DUN iaitu Beseri, Santan, Bintong dan Sanglang (Perlis); Kota Siputeh, Alor Mengkudu, Kubang Rotan, Pengkalan Kundor, Tokai, Sungai Limau, Belantik, Pantai Merdeka, Kupang dan Merbau Pulas (Kedah); Kelaboran, Wakaf Bharu, Chempaka, Tanjong Mas, Bunut Payong, Pengkalan Pasir, Meranti, Chetok, Gual Periok, Apam Putra, Salor, Pasir Tumbuh, Demit, Pantai Irama, Kadok, Kok Lanas, Bukit Panau, Gual Ipoh, Limbongan, Gaal, Kemuning dan Mengkebang (Kelantan); Jertih, Jabi, Buluh Gading, Wakaf Mempelam, Batu Buruk, Bukit Payung, Ru

Rendang, Manir, Sura, Paka dan Kemasik (Terengganu); Sungai Dua, Permatang Pasir dan Bayan Lepas (Pulau Pinang); Selama, Titi Serong, Selinsing, Changkat Jering, Kamunting, Manjoi, Sungai Rapat, Kampong Gajah, Pasir Panjang, Rungkup dan Behrang (Perak); Dong, Pulau Tawar, Beserah, Tanjung Lumpur, Lepar, Kerdau, Jengka, Kuala Semantan, Pelangai, Guai dan Tioman (Pahang); Sabak, Sungai Panjang, Hulu Bernam, Taman Templer, Hulu Kelang, Pandan Indah, Sungai Ramal, Seri Serdang, Meru dan Morib (Selangor); Klawang, Serting, Lenggeng, Senaling, Johol dan Paroi (Negeri Sembilan); Taboh Naning, Durian Tunggal, Pantai Kundor, Bukit Katil, Serkam dan Merlimau (Melaka); Kemelah, Serom, Simpang Jeram, Maharani, Parit Yaani, Senggarang, Mahkota, Pasir Raja, Penawar, Kota Iskandar, Pulau Sebatang dan Kukup (Johor); dan Merotai (Sabah). Dalam PRU-14, 2018 tersebut, AMANAH berjaya memenangi 11 kerusi Parlimen (daripada 35 kerusi Parlimen yang ditandingi) dan menang di 31 kerusi DUN (daripada 110 kerusi DUN yang ditandingi) (Lihat Jadual 2).

Jadual 2: Pencapaian Parti Amanah Negara dalam PRU-14, 2018 Mengikut Negeri serta Kerusi Parlimen dan DUN

Negeri/Kerusi	Parlimen		DUN	
	Tanding	Menang	Tanding	Menang
Johor	2	1	12	9
Kedah	3	1	9	3
Kelantan	5	0	23	0
Melaka	1	0	6	2
Negeri Sembilan	2	1	5	2
Melaka	1	0	6	2
Pahang	1	1	11	0
Pulau Pinang	1	0	3	2
Perak	4	2	12	6
Perlis	-	-	4	0
Sabah	1	0	1	0
Sarawak	6	0	-	-
Terengganu	3	0	11	0
Selangor	5	5	7	5
Wilayah Persekutuan (KL, Putrajaya dan Labuan)	-	-	-	-
Jumlah	35	11	110	31

Sumber: SPR 2018 & The Star 2018

Analisis Pencapaian Parti Amanah Negara dalam PRU 2018

Pada PRU 2018, AMANAH menang di 11 kerusi Parlimen iaitu Pokok Sena (Kedah); Parit Buntar dan Lumut (Perak); Temerloh (Pahang); Kuala Selangor, Hulu Langat, Shah Alam, Kota Raja dan Sepang (Selangor); Tampin (Negeri Sembilan); dan Pulai (Johor). Bagi kerusi DUN pula, AMANAH menang di 31 kerusi DUN iaitu Kota Siputeh, Alor Mengkudu, Kubang Rotan dan Pengkalan Kundor (Kedah); Permatang Pasir dan Bayan Lepas (Pulau Pinang); Titi Serong, Kamunting, Manjoi, Sungai Rapat, Pasir Panjang dan Behrang (Perak); Sabak, Taman Templer, Hulu Kelang, Pandan Indah, Sungai Ramal, Seri Serdang, Meru dan Morib (Selangor); Klawang, Lenggeng dan Paroi (Negeri Sembilan); Durian Tunggal dan

Bukit Katil (Melaka); Kemelah, Serom, Simpang Jeram, Maharani, Parit Yaani, Senggarang, Mahkota, Kota Iskandar dan Pulau Sebatang (Johor).

Kemenangan calon AMANAH di 11 kerusi Parlimen dan 31 kerusi DUN adalah disebabkan faktor undi rakyat terhadap pakatan pembangkang iaitu PH disebabkan kelemahan BN selaku pemerintah di negara ini sejak 63 tahun yang lalu. Isu nasional menjadi isu dominan dalam mempengaruhi sokongan rakyat kepada calon-calon AMANAH. Isu nasional yang dimaksudkan ialah antaranya isu ekonomi (peningkatan kos sara hidup, isu cukai GST, isu peluang pekerjaan yang terhad, isu peluang perniagaan yang kurang memberangsangkan serta ekonomi makro iaitu ekonomi Malaysia dengan negara luar yang semakin lembap). Isu nasional seterusnya yang mempengaruhi sokongan pengundi kepada PH/AMANAH ialah isu kelemahan kepimpinan BN (integriti Perdana Menteri, moral pemimpin, sikap pasangan pemimpin, ego dan bangga diri, kurang turun padang, kurang mesra rakyat, tidak dapat menyelesaikan masalah setempat dengan baik dan hilang keyakinan penjawat awam terhadap kepimpinan sedia ada). Berikutnya ialah isu politik nilai dan politik pembangunan (kebertanggungjawaban, integriti, keadilan dan saksama, kepercayaan, keyakinan, kepekaan, ambil berat dan sensitiviti).

Parti Amanah Negara Pasca PRU 2018

Hasil daripada kemenangan PH dalam PRU 2018, ramai pemimpin AMANAH telah dilantik ke jawatan utama Kerajaan Pusat seperti YB Tuan Haji Mohamad Sabu selaku Presiden AMANAH yang dilantik sebagai Menteri Pertahanan, YB Dato' Haji Salahuddin Ayub selaku Timbalan Presiden AMANAH dilantik sebagai Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, YB Khalid Samad selaku Ketua Penerangan AMANAH dilantik sebagai Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr. Dzulkeply Ahmad selaku Pengarah Strategi AMANAH (Menteri Kesihatan) YB Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa selaku Naib Presiden AMANAH dan Pengerusi AMANAH Negeri Pulau Pinang dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Hanipa Maidin dilantik sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang), YB Mohd. Annuar Tahir selaku Setiausaha Agung AMANAH dilantik sebagai Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Datuk Wira Mohd. Hatta Md. Ramli selaku Pengarah Pilihan Raya AMANAH dan Pengerusi AMANAH Wilayah Persekutuan dilantik Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan YB Datuk Mahfuz Omar selaku Naib Presiden AMANAH dilantik sebagai Timbalan Menteri Sumber Manusia. Beberapa orang pemimpin AMANAH telah dilantik sebagai Senator di Dewan Negara, antaranya ialah YB Senator Datuk Husam Musa, YB Senator Aiman Athirah Al-Jundi, YBM Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad (Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan) selaku Pengerusi AMANAH Negeri Terengganu.

Pemimpin AMANAH yang dilantik dalam Kerajaan Negeri pula ialah YB Datuk Dr. Ismail Salleh selaku Pengerusi AMANAH Negeri Kedah, Dr. Salmee Said dan YB Mohd Asmirul Anuar Aris sebagai EXCO Kerajaan Negeri Kedah; YB Asmuni Awi selaku Bendahari AMANAH dan Pengerusi AMANAH Negeri Perak, YB Hasnul Zulkarnain Abd Munaim dan YB Dato' Seri Mohd Nizar Jamaluddin selaku ahli jawatankuasa AMANAH pusat sebagai EXCO Kerajaan Negeri Perak, YB Ir. Izham Hashim selaku ahli jawatankuasa AMANAH pusat yang juga selaku Pengerusi AMANAH Negeri Selangor dan YB Dr. Siti Mariah Mahmud selaku Ketua Angkatan Wanita AMANAH (AWAN) sebagai sebagai EXCO Kerajaan Negeri Selangor; YB Taufik Abdul Ghani dan YB Bakri Sawir sebagai sebagai EXCO Kerajaan Negeri Sembilan; YB Adly Zahari selaku Pengerusi AMANAH Negeri Melaka sebagai Ketua Menteri Melaka dan YB Datuk Mohd. Sofi Abdul Wahab sebagai

sebagai EXCO Kerajaan Negeri Melaka; YB Aminolhuda Hassan selaku Pengerusi AMANAH Negeri Johor dan YB Dzulkefly Ahmad sebagai EXCO Kerajaan Negeri Johor; YB Aminuddin Zulkipli sebagai Timbalan Speaker DUN Perak; YB Zulkefly Mohamad Omar selaku Pengerusi AMANAH Negeri Sembilan sebagai Speaker DUN Negeri Sembilan; dan YB Suhaizan Kaiat selaku Setiausaha Organisasi AMANAH sebagai Speaker DUN Johor. Terdapat juga beberapa orang pemimpin AMANAH yang dilantik dalam jabatan kerajaan seperti YB Mohd Faiz Fadzil sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Mazlan Aliman selaku ahli jawatankuasa AMANAH pusat sebagai Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), YB Datuk Ir. Phahrolrazi Mohd. Zawawi selaku ahli jawatankuasa AMANAH pusat dilantik sebagai Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Haji Wan Abdul Rahim Wan Abdullah selaku ahli jawatankuasa AMANAH pusat yang juga Pengerusi AMANAH Negeri Kelantan dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), Ustaz Nik Omar Nik Abdul Aziz sebagai Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan lain-lain serta bagi pemimpin AMANAH pada peringkat cawangan/kampung juga ada yang dilantik sebagai jawatankuasa Majlis Pembangunan Komuniti Kampung (MPKK) yang dahulunya dikenali sebagai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

Pemilihan AMANAH yang sepatutnya berlangsung tahun 2018 namun ditangguhkan susulan permohonan penangguhan kepada ROS, iaitu selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), pada 9 Mei 2018. Namun begitu, mesyuarat parti pada peringkat cawangan akan berjalan seperti biasa pada 2018 tanpa pemilihan. Pemilihan tersebut dijangkakan akan diadakan pada Jun 2019.

Pada pemilihan AMANAH 6 Disember 2019, Khalid Samad mendahului senarai 27 pemimpin Amanah yang dipilih perwakilan bagi menduduki jawatankuasa pimpinan nasional parti itu bagi sesi 2019 hingga 2022. Khalid mendapat 786 undi daripada sejumlah 822 perwakilan yang mengundi melalui e-voting semasa konvensyen keempat parti itu di Shah Alam. Presiden Amanah, Mohamad Sabu menduduki tempat ketujuh dengan 681 undi, manakala Timbalan Presiden Salahuddin Ayub berada di tempat ketiga dengan 765 undi. Tiga naib presidennya iaitu Timbalan Menteri Sumber Manusia, Mahfuz Omar berada di tempat kedua dengan 780 undi; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mujahid Yusof di tempat keempat dengan 755 undi; dan Anggota Parlimen Hulu Langat Hasanuddin Mohd Yunus di tempat ke-15 dengan 460 undi. Kedua-dua naib presiden, Adun Salor Husam Musa tidak bertanding dalam pemilihan ini, manakala Anggota Parlimen Tampin, Hasan Bahrom tidak berjaya berada dalam senarai 27 tertinggi. Perwakilan AMANAH juga mengundi untuk semua menteri dan timbalan menteri dari parti itu kecuali Timbalan Menteri Kerja Raya Anuar Tahir yang menyandang jawatan setiausaha agung parti. Pemimpin lain yang menduduki jawatankuasa pimpinan nasional Amanah termasuk Adun Seri Serdang, Dr Siti Mariah Mahmud yang juga bekas Ketua Wanita Amanah; Ketua Menteri Melaka Adly Zahari; Adun Sungai Rapat Mohamad Nizar Jamaluddin dan Speaker Dun Johor, Suhaizan Kaiat. Menerusi pemilihan pertama parti itu selepas empat kali konvensyen diadakan menyaksikan beberapa muka baru berjaya memenangi jawatan tertinggi parti itu. Antaranya, Nik Omar Nik Abdul Aziz dan Faiz Fadzil. Berikutan pengumuman keputusan tersebut, pemimpin yang baru dipilih itu akan bertemu Speaker dan Timbalan Speaker parti yang baru dilantik, 14 ketua-ketua negeri dan ketua ketiga-tiga sayap parti. Pertemuan itu akan menentukan siapa di antara mereka akan memegang jawatan presiden, timbalan presiden dan tiga naib presiden dengan keputusan rasmi akan diumumkan kemudian. Dua jawatan naib presiden yang lain akan dilantik oleh presiden yang baru dipilih.

Mohamad Sabu dan Datuk Seri Salahuddin Ayub, masing-masing mengekalkan kedudukan sebagai Presiden dan Timbalan Presiden Parti Amanah Negara (Amanah) bagi sesi 2019-2022. Keputusan sebulat suara, yang sudah dijangka itu diumumkan pada Konvensyen Parti Amanah Nasional (Amanah) 2019 di Shah Alam pada 7 Disember 2019. Speaker Amanah, Onn Jaafar mengumumkan keputusan yang diperoleh daripada mesyuarat 27 ahli Jawatankuasa Kepimpinan Amanah Nasional yang baru dilantik, yang bermesyuarat dari 10.30 malam hingga 2 pagi. Terdahulu, Mohamad yang dikenali sebagai Mat Sabu dalam satu kenyataan memaklumkan keputusan pemilihan Jawatankuasa Tertinggi Amanah Nasional, dibuat secara musyawarah oleh 27 ahli Jawatankuasa Kepimpinan Amanah Nasional yang dipilih melalui proses pemilihan parti. Selain Mohamad atau Mat Sabu yang juga Menteri Pertahanan dan Salahuddin yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Onn turut mengumumkan bahawa Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar sebagai Naib Presiden 1, manakala Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa sebagai Naib Presiden 2 dan Naib Presiden 3 kekal disandang Datuk Hasanuddin Mohd Yunus. Pada 6 Disember 2019, 822 perwakilan Amanah Nasional seluruh negara mengundi menerusi sistem e-voting bermula 9.45 malam dan berakhir 10.30 malam. Undian itu membabitkan 94 calon yang berentap pada pemilihan Jawatankuasa Amanah Nasional untuk sesi 2019-2022 yang turut merebut jawatan speaker, timbalan speaker, juruaudit termasuk 27 jawatan ahli jawatankuasa (AJK).

Presiden Amanah, Mohamad Sabu menegaskan Pakatan Harapan (PH) akan bersama Pengerusi BERSATU yang dipertikai, Dr Mahathir Mohamad dan Parti Warisan untuk mengembalikan semula mandat rakyat dan menerajui semula Kerajaan Persekutuan setelah Kerajaan PH pada peringkat Persekutuan tumbang pada Mac 2020 iaitu sempat berkuasa selama 22 bulan. Menurutnya, parti itu juga akan terus kekal bersama dalam gabungan PH. Mesyuarat jawatankuasa pimpinan Amanah menegaskan iltizam dan komitmen Amanah untuk mempertahankan kesatuan PH sebagai satu-satunya wadah dalam memperjuangkan kesejahteraan rakyat dan melaksanakan perubahan dalam negara. Amanah menegaskan bahawa menjadi tanggungjawab PH bersama gabungan Tun Mahathir Mohamad dan pasukannya serta Warisan untuk terus berusaha mengambil balik mandat rakyat dan hak rakyat yang telah diberikan pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) yang lalu. Sementara itu, Mohamad yang lebih mesra dipanggil sebagai Mat Sabu menggesa semua parti komponen PH bersiap sedia menghadapi pilihan raya mengejut sekiranya diadakan. Dengan menjangkakan kemungkinan berlakunya pilihan raya mengejut dalam tempoh terdekat, Amanah menggesa semua parti komponen PH untuk mempersiapkan jentera pilihan raya masing-masing dalam kadar segera.

Meskipun ramai pemimpin AMANAH merupakan ahli Parlimen dan ADUN yang berpengalaman dalam perbahasan Parlimen dan DUN serta sebagai penceramah atau pemedato yang hebat dalam pengucapan umum seperti dalam ceramah umum, dialog, debat dan sebagainya dan juga merupakan golongan profesional seperti doktor perubatan, pensyarah, jurutera, arkitek, akauntan, ahli agama, guru dan sebagainya sebelum menang menjadi Kerajaan dalam PRU 2018, namun mereka masih baru dalam pentadbiran Kerajaan Negeri dan Persekutuan, justeru mereka perlu bijak, cermat dan berhati-hati dalam membuat sesuatu keputusan dalam dasar kerajaan serta pandai dalam membuat kenyataan terutamanya dalam sidang media dan juga perucapan umum seperti ucapan dalam majlis kerajaan, ceramah politik, dan juga ucapan atau kenyataan bertulis dalam media sosial seperti whatsapp, facebook, twitter, blog peribadi, instagram youtube, e-mel dan sebagainya. Mereka

juga perlu berhati-hati dalam mengulas isu-isu yang sensitif terutamanya isu perkauman dan agama. Ini kerana rakyat sedang memerhati dan menilai manakala pihak lawan akan memanipulasi dari sudut negatif untuk membentuk isu yang boleh menjejaskan diri pemimpin, kerajaan dan parti politik sekali gus boleh menghasilkan persepsi negatif oleh rakyat. Memperoleh kemenangan sememangnya mudah, namun mempertahankan kemenangan amatlah sukar kerana politik melibatkan persepsi, dinamik, tiada yang mustahil, berseni dan boleh berubah sekelip mata sahaja. Justeru, pemimpin AMANAH perlu menjalankan tanggungjawab yang diberikan sebaik mungkin dan perlu mengutamakan kebajikan rakyat berbanding kepentingan peribadi semata-mata.

Rumusan bagi Parti Amanah Negara

Sebagai kesimpulannya, meskipun AMANAH merupakan parti yang baru dalam arena politik Malaysia dan diberi jumlah kerusi yang paling kecil dalam PH untuk bertanding dalam PRU 2018, namun parti ini mempunyai barisan pemimpin yang berpengalaman, tahan daya uji serta mempunyai karisma kepimpinan yang tersendiri. Ini terbukti apabila hampir kesemua pemimpin parti ini yang menang dalam PRU 2018 yang lalu telah diberi kepercayaan oleh kepimpinan PH untuk memegang jawatan tinggi dalam Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri serta kepimpinan dalam jabatan-jabatan dalam kerajaan serta kepimpinan pada peringkat kampung. Justeru, ini menafikan pandangan sesetengah pihak bahawa parti serpihan PAS yang setahun jagung ini akan terkubur selepas PRU 2018 dan akan melutut serta kembali semula dalam PAS. Oleh itu dalam politik adalah tiada yang mustahil, serba mungkin, dinamik, seni dan penuh muslihat, taktikal serta berstrategi. Dengan itu, AMANAH boleh maju ke hadapan jika sesuai dengan percaturan politik semasa namun parti ini juga perlu kental dalam menghadapi realiti politik yang semakin mencabar dalam tempoh 5 tahun pemerintahan serta menuju PRU akan datang.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, perjuangan parti politik dalam politik pilihan raya ada pasang-surutnya. Merujuk kepada prestasi UMNO dalam PRU 2018 jauh merosot berbanding PRU sebelumnya iaitu PRU 2013. AMANAH pula yang ditubuhkan pada tahun 2015 buat pertama kalinya menyertai PRU iaitu PRU 2018 terus mencapai prestasi yang memberangsangkan dengan berjaya memenangi banyak kerusi DUN dan Parlimen seterusnya berjaya menyertai kabinet Kerajaan Persekutuan dan beberapa Kerajaan Negeri. Dalam dunia politik tiada sesuatu yang mustahil, penuh dengan dinamika dan berseni/berstrategik. Matlamat perjuangan parti politik secara umumnya adalah untuk kebaikan rakyat namun dunia politik pilihan raya ini penuh dengan percaturan yang berstrategi dan bergantung kepada penerimaan pengundi terhadap isu dan kepimpinan dalam sesuatu parti politik. Justeru, UMNO dan AMANAH perlu terus berjuang dengan pendekatan dan pengalaman masing-masing demi kemaslahatan dan keharmonian rakyat di negara ini. Meskipun UMNO selaku tunjang dalam BN telah tewas pada peringkat persekutuan dan beberapa negeri namun parti politik tersebut masih mengekalkan penguasaan di kawasan majoriti pengundi etnik Melayu di kawasan luar bandar. UMNO berjaya menguasai Kerajaan Negeri Pahang dan Perlis disamping menjadi pembangkang majoriti di Parlimen. AMANAH pula meskipun bertanding tidak banyak kerusi Parlimen dan DUN hasil daripada pembahagian kerusi pilihan raya antara parti-parti dalam PH namun masih berjaya memenangi kerusi di kawasan bandar dan separa bandar yang berkomposisikan etnik campuran. Wakil rakyat daripada AMANAH juga berjaya menguasai jawatan Menteri Besar di Negeri Melaka di samping mendapat jawatan EXCO dalam beberapa Kerajaan Negeri dan juga jawatan Menteri serta Timbalan Menteri pada peringkat Persekutuan. Pasca PRU 2018 pula memperlihatkan berlakunya beberapa senario

isu semasa yang melibatkan kelangsungan politik UMNO dan AMANAH seterusnya boleh mempengaruhi halatuju kedua-dua parti tersebut menuju PRU akan datang.

Rujukan

- Abdul Rahman Ibrahim. (2000). Kualiti dan Kepuakan dalam Politik: Rujukan Khusus Ke Atas UMNO dan Pentadbiran Kerajaan Kedah. Tesis Sarjana Sastera (Sains Politik), Universiti Utara Malaysia
- Abd. Manaf Ahmad. (2000). *Sejarah Penubuhan UMNO*. Kuala Lumpur: Penerbit YADIM.
- Abuzar Abdul Halim, Mariah Muda & Ilias Md Salleh. (2017). Image Repair Theory to the Image of United Malays National Organisation (UMNO) as Proposed by Malaysian Political Scholars. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 7(2): 743-748.
- Ahmad Henry. (2010). *60 Tahun Islam di Bawah UMNO-BN: Terbelakah Islam?* Kampar: Pustaka Ibnu Al-Manhar.
- Ahmad Lutfi Othman. (2018). *Parti Amanah Negara: Cabaran, Halangan dan Potensi Sebagai Parti Islam Berpengaruh, Berintegriti*. Ampang Selangor: Penerbit Ahmad Lutfi Othman.
- Ahmad Zahid Hamidi. (1993). *Pemuda UMNO: Kepemimpinan & Perjuangan*. Kuala Lumpur: Penerbit Yayasan Gerakbakti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Zahid Hamidi. (2016). *Gendang Perang PRU: Strategi Kukuhkan Parti*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Alan Ware. (1996). *Political Parties and Party Systems*. Oxford: Oxford University Press.
- Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu. (1996). *UMNO Terengganu 50 tahun*. Kuala Terengganu: Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu.
- Chamil Wariya. (2004). Abdullah Ahmad Badawi: Perjalanan Politik PM ke-5. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Chin, J. & Welsh, B. (2019). Special Issue Introduction: The 2018 Malaysian General Election: The Return of Mahathir and the Exit of UMNO. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*. 37(3): 3-8.
- Funston, J. (2018). UMNO-From Hidup Melayu to Ketuanan Melayu. In Welsh, B. *The End of UMNO? Essays on Malaysia's Former Dominant Party (New and Expanded Post-GE14 Edition)*. Petaling Jaya: SIRD.
- Hatta Al-Mukmin. (2009). *Mohamad Hj Hasan: Pemimpin Sejati Dekat Dihati*. Kuala Lumpur: Mukminin Publishing House.
- Hng Hung Yong. (2008). *5 Men & 5 Ideas: Building National Identity*. Subang Jaya: Pelanduk Publications. (M) Sdn. Bhd.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2016). Peranan pengundi Melayu dalam Pengukuhan hegemoni politik UMNO dalam Pilihan Raya Kecil DUN Tenang, Kerdau dan Merlimau. Dlm. Maslida Yusof, Mohamad Rodzi Abd Razak, Mohammed Azlan Mis & Yusmilayati Yunos. *Hubungan Malaysia-Indonesia: Sejarah, Politik dan Keselamatan*. Bangi. Penerbit UKM.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Nizar Sudin. (2018). Pilihan Raya Umum Ke-14, 2018: Analisis Terhadap Persaingan Antara BN, PH, PAS dan Parti-Parti Politik Lain. The 12th International Conference on Malaysia-Indonesia Relations (PAHMI-12, 2018). Theme: "Strengthening The Identity, Enriching Regional Commonality" (Memperkasa Jatidiri, Memperkaya Kebersamaan Serumpun). Organize By and Vanue: Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. 1-2 August.

- Junaidi Awang Besar. (2017). Trend Pengundian Dalam Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-13. *e-Bangi* 12(2): 126-149.
- Khalid Samad. (2014). *Berani Berprinsip*. Petaling Jaya: Ilham Books.
- Khalid Samad. (2016). *Dari PAS ke AMANAH: Berani Berprinsip II*. Petaling Jaya: Ilham Books.
- Laman Berita Rasmi Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu. <https://umno-online.my/>
- Miriam Budiardjo. (1982). *Masalah Kenegaraan*. Jakarta: Gramedia.
- Md. Noor Salleh & Bakri Ali Mahamad. (1996). *Demi Martabat Bangsa*. Alor Setar: Badan Perhubungan UMNO Negeri Kedah.
- Mohamad Ismail. (2018). *Siapa Itu Mohamad Sabu?*. Kuala Lumpur: Dimensi Harapan, Resources.
- Mohammad Tawfik Yaakub. (2018). Kerjasama politik Melayu-Islam: Analisis hubungan UMNO-PAS dari tahun 1968 hingga 1978. Tesis PhD Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya.
- Mohd Najib Tun Abdul Razak. (2009). *Menakhoda Zaman*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Mohd Najib Tun Abdul Razak. (2016). *Pokok-pokok Pikiran*. Bogor: Roda Publika.
- Mohd Sayuti Omar. (2015). *Nasib PAS, AMANAH dan Najib Dalam PRU Ke-14*. Kuala Lumpur: Penerbit Tinta Merah.
- Muhamad Helmi Sabtu & Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2018). Persaingan Ideologi PAS dan AMANAH dalam Politik dan Pilihan Raya. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Faiz Fadzil. (2017). *Kleptokrasi Bukan Rahmat*. Petaling Jaya: Ilham Books.
- Mujahid Yusof Rawa. 2018. *Melangkah ke Hadapan: Landskap Muslim Demokrat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Ilham Books.
- Mujahid Yusof Rawa. (2015). *Islam dan Kepelbagaian: Rahmat untuk Semua (Rahmatan Lil 'Alamin)*. Kuala Lumpur: Ilham Books.
- Panel Penyelidikan Nunji. (2017). *Islam dan Kenegaraan: Suatu Perbahasan dalam Konteks Fiqh Malaysia*. Kuala Lumpur: Nadwah Ulama' Nahdhah Jadidah, Parti Amanah Negara.
- Paridah Abd. Samad. (2001). *Tun Abdul Razak: A Phenomenon in Malaysian Politics*. Kuala Lumpur: Partisan Publication.
- Ramanathan, K. (2000). *Asas Sains Politik*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Syed Ahmad Hussein. (1999). *Pengantar Sains Politik*. Pulau Pinang: Pusat Pendidikan Jarak Jauh USM.
- Yaakub Isa. (2007). *Idealisme dan Pemikiran Tun Badul Razak*. Tanjong Malim: Penerbit UPSI.
- Zahalan Man. (2014). *Daulat UMNO*. Ampang: Cahaya Nur Modal Insan.
- Zahid Hamidi. (2015). *Bicara Sebelas Penulis*. Kota Damansara: Mediarama Sdn Bhd.
- Zin Mahmud. (2008). *Kepimpinan & Perjuangan Pemuda UMNO (Edisi Baharu)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Zinitulniza Abdul Kadir. (2018). *Amanah Mohamad Sabu*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.